

MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA

Diiktiraf oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC)

Bergabung dengan:

Persatuan Jawatankuasa-Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (ANOC)

Majlis Olimpik Asia (OCA)

Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF)

Persekutuan Sukan Komanwel (CGF)

Persekutuan Sukan Perpaduan Islam (ISSF)

Majlis Perpaduan Sukan Wanita Negara-Negara Islam

Kumpulan Kemudahan Sukan dan Rekreasi Antarabangsa

LAPORAN TAHUNAN KEDUAPULUH LAPAN BAGI TEMPOH 16HB MEI 2009 HINGGA 15HB JUN 2010

1. **PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MOM KE-28 2009**

Perhimpunan Agung Tahunan MOM Ke-28 telah diadakan pada pagi 30hb Mei 2009, di Arena Sukan Tertutup MOM, Wisma OCM, Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur. Seramai 34 Ahli Biasa (Persatuan Sukan Kebangsaan) telah hadir menjadikan jumlah 98 delegasi. 12 dari 16 Ahli Bersekutu turut diwakili oleh seroang delegasi masing-masing. Pemilihan dua tahun sekali telah dijalankan. Keputusan pemilihan Pemegang Jawatan MOM adalah seperti berikut:-

Presiden	:	YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar
Timbalan Presiden	:	YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan
Naib-Naib Presiden	:	YBhg. Dato' A. Sani Karim YBhg. Prof. Dato' Ar. W. Y. Chin Cik Low Beng Choo YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad YBhg. Dato' Roy Rajasingham
Setiausaha Kehormat	:	Dato' Siah Kok Chi
Bendahari Kehormat	:	YBhg. Dato' Seri Kee Yong Wee
Pen. Bendahari Kehormat	:	Encik Rosmanizam Abdullah
Pen. Setiausaha Kht. (W)	:	Cik Moira Tan Siew See
Pen. Setiausaha Kht. (L)	:	Encik Ramlay Ibrahim

Bekas Presiden dan Ahli Kehormat IOC, Y.Bhg. Datuk Setia Raja, Tan Sri Datuk Seri Hamzah bin Haji Abu Samah, kekal sebagai Presiden Seumur Hidup Majlis Olimpik Malaysia.

2. **LEMBAGA EKSEKUTIF**

Ahli Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Malaysia terdiri daripada Pemegang Jawatan Majlis Olimpik Malaysia dan beberapa ahli tambahan seperti berikut:-

Dr. Tan Siew Eng (Pengarah, Akademi Olimpik Kebangsaan) dari 2hb Februari 2010.

YBhg. Dato' Mohd Yasin bin Mohd Salleh (Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan) dari 1hb Disember 2006.

YBhg. Dato' Zolkples Embong (Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara) dari 25hb April 2007.

YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz (Ketua Pengarah, Institut Sukan Negara) dari 25hb April 2007.

Encik Raymond Gai Panting (Pengarah, Pengurusan Sukan, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan) dari 22hb April 2006 hingga 13hb Oktober 2009.

Encik Jame Alip (Pengarah, Bahagian Sukan, Seni dan Ko-kurikulum) dari 13hb Oktober 2009 hingga 2hb Februari 2010.

Puan Ee Hong (Pengarah, Bahagian Sukan, Seni dan Ko-kurikulum) dari 2hb Februari 2010 hingga sekarang.

Cik Phan Su Ming, (Presiden, Suruhanjaya Atlet Malaysia) dari 12hb Januari 2010.

Cik Chee Ee Laine, (Setiausaha Kehormat, Suruhanjaya Atlet Malaysia) dari 12hb Januari 2010.

3. **AHLI-AHLI**

Pada Mesyuarat Majlis MOM yang Ke-155 yang telah diadakan pada 2hb Februari 2010 telah meluluskan Persatuan Meluncur Ais Malaysia (ISAM) sebagai Ahli Bersekutu MOM. Pada Mesyuarat Majlis MOM yang ke-

156 yang telah diadakan pada 24hb April 2010, telah meluluskan Persekutuan Tarian Naga dan Singa Malaysia sebagai Ahli Bersekutu MOM.

Jumlah keahlian Majlis Olimpik Malaysia kini adalah sebanyak lima puluh dua (52), terdiri dari tiga puluh empat (34) Ahli Biasa dan lapan belas (18) Ahli Bersekutu. Keahlian tersebut adalah seperti berikut:-

3.1 **Ahli Biasa**

1. Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia
2. Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia
3. Persatuan Badminton Malaysia
4. Persatuan Bola Keranjang Malaysia
5. Persekutuan Bina Badan Malaysia
6. Kongres Tenpin Boling Malaysia
7. Persekutuan Tinju Amatur Malaysia
8. Persatuan Kriket Malaysia
9. Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia
10. Persatuan Ekuestrian Malaysia
11. Persekutuan Lawan Pedang Malaysia
12. Persatuan Bolasepak Malaysia
13. Persatuan Golf Malaysia
14. Persekutuan Gimnastik Malaysia
15. Persekutuan Bola Baling Malaysia
16. Persekutuan Hoki Malaysia
17. Persekutuan Judo Malaysia
18. Persekutuan Karate Malaysia
19. Persekutuan Lawn Bowls Malaysia
20. Persatuan Lawn Tennis Malaysia
21. Persatuan Bola Jaring Malaysia
22. Kesatuan Ragbi Malaysia
23. Persatuan Sepaktakraw Malaysia
24. Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia
25. Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia
26. Persekutuan Snuker & Billiards Malaysia
27. Persatuan Sofbol Malaysia
28. Persatuan Squash Malaysia
29. Persatuan Renang Amatur Malaysia
30. Persatuan Ping Pong Malaysia
31. Persatuan Bola Tampar Malaysia
32. Persekutuan Angkat Berat Malaysia
33. Persekutuan Wushu Malaysia
34. Persatuan Pelayaran Malaysia

3.2 **Ahli Bersekutu**

1. Persatuan Aikido Malaysia
2. Persekutuan Besbol Malaysia
3. Persekutuan Catur Malaysia
4. Persatuan Kanu Malaysia
5. Persatuan DanceSport Berhad
6. Persekutuan Tarian Naga dan Singa Malaysia
7. Persatuan Sukan Ekstrem Malaysia
8. Persekutuan Hoki Ais Malaysia
9. Persatuan Meluncur Ais Malaysia
10. Persatuan Kabaddi Malaysia
11. Persatuan Golf Wanita Malaysia
12. Persekutuan Mendaki Malaysia
13. Persekutuan Petanque Malaysia
14. Persatuan Polo Diraja Malaysia
15. Persatuan Mendayung Malaysia
16. Persatuan Silambam Malaysia
17. Persekutuan Ski Air Malaysia
18. Persatuan Woodball Malaysia

4. **PENGURUSAN MOM**

4.1 **Mesyuarat Majlis**

Mesyuarat Majlis telah diadakan setiap tiga bulan sekali. Dalam tempoh tersebut, Majlis telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Tarikh dan kehadiran ahli-ahli ke mesyuarat Majlis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Annex I.

4.2 **Mesyuarat Lembaga Eksekutif**

Lembaga Eksekutif MOM telah bermesyuarat setiap bulan dan jumlah mesyuarat yang telah diadakan adalah sebanyak duabelas (12) kali dalam tempoh tersebut. Tarikh dan kehadiran ke mesyuarat Lembaga Eksekutif adalah seperti yang ditunjukkan dalam Annex II.

4.3 **Perjawatan Kakitangan**

Encik Chan Hing Wai telah menyertai MOM sebagai Penasihat Penyelenggaraan Kemudahan separuh masa sejak 15hb Disember 2009. Kekuatan kakitangan MOM adalah seperti berikut:-

- Lapan (8) orang kakitangan sepenuh masa
- Dua (2) orang kakitangan secara kontrak
- Tiga (3) orang kakitangan separuh masa
- Tiga (3) orang kakitangan di Fasa II, Wisma OCM

Lembaga Eksekutif MOM pada mesyuaratnya yang ke-12 pada 11hb Mei 2010 telah menaikkan pangkat Encik Fong Wan Hor sebagai Penolong Pengurus Besar MOM.

5. **LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MOM**

5.1 **Suruhanjaya Atlet**

Mesyuarat Majlis Eksekutif MOM Ke-151 pada 7hb Februari 2009 telah meluluskan deraf perlembagaan Suruhanjaya Atlet. PKS adalah dijemput untuk menghantar pencalonan untuk pemilihan sebagai ahli-ahli Suruhanjaya Atlet. Sebanyak 10 PSK telah menghantar pencalonan masing-masing untuk pemilihan pemegang jawatan dalam Suruhanjaya. Pemilihan telah diadakan pada 19hb Disember 2009. Cik Phan Su Ming dan Cik Chee Ee Laine masing-masing telah dilantik sebagai Presiden dan Setiausaha Kehormat. Mereka kini merupakan ahli Lembaga Eksekutif dan Majlis MOM. Ahli-ahli Suruhanjaya Atlet yang lain adalah Dr. Farah Hani Imran, Cik Nurul Elia Anuar, Cik Azian Ahmad, Cik Leong Mun Yee dan Encik Yeoh Ken Nee.

5.2 **Jawatankuasa Kewangan dan Pemasaran**

Jawatankuasa Kewangan dan Pemasaran yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Kee Yong Wee dan telah bermesyuarat sebanyak lapan kali dalam tempoh tersebut. Lebihan untuk tahun 2009 adalah sebanyak RM693,187/- dengan jumlah pendapatan RM9,445,838/= berbanding sebanyak RM1,299,784/= dengan jumlah pendapatan RM10,458,426/= pada tahun 2008.

Rakan TOP VII masih kekal seperti Coca-Cola, Acer, Atos Origin, General Electric (GE), McDonald's, Omega, Panasonic, Samsung dan Visa. Penaja Nasional MOM adalah Coca-Cola, AirAsia, AmBank Group, Astro, Carlsberg, Genting, HDI Network, MESUMA, Milo, Power, Royal Selangor, Sports Toto dan Spritzer. 361° Degree, Penaja Pakaian Sukan untuk Sukan Asia Ke-16 Guangzhou 2010 menjadi Penaja Pakaian Sukan MOM ke Sukan Asia Ke-16.

MOM telah memberikan bantuan kewangan kepada semua ahli gabungan MOM untuk kali kedua pada tahun 2010. Geran sebanyak RM6,000/= untuk Ahli Biasa dan RM4,000/= untuk Ahli Bersekutu. Penilaian terhadap Wisma OCM telah siap Penilaian untuk Wisma MOM telah siap dan Hartanah, Bangunan dan Kelengkapan MOM kini bernilai RM55.3 juta berbanding RM22.2 juta pada tahun 2008.

Tabung Amanah MOM

Tabung Amanah MOM telah diluluskan semasa Mesyuarat Majlis MOM ke-153 pada 25hb Julai 2009. Tiga orang ahli Jawatankuasa Pengurusan Amanah daripada MOM telah diluluskan dan mereka adalah terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden dan Bendahari Kehormat. Tiga orang ahli daripada orang awam turut diluluskan semasa Mesyuarat Majlis MOM ke-156 pada 24hb April 2010 iaitu YBhg. Prof. Datuk Dr. Khaw Lake Tee, YBhg. Dato' K.T. Tan dan YBhg. Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman. Mesyuarat pertama Jawatankuasa

Pengurusan Amanah telah diadakan pada 2hb Jun 2010. Perpetual Trustees Berhad merupakan Syarikat Amanah untuk Tabung Amanah MOM. Selain daripada pelaburan awal sebanyak RM8.0 juta, tiada pelaburan tambahan dilakukan dalam tempoh masa tersebut.

5.3 **Jawatankuasa Pengurusan dan Penasihat Undang-Undang**

Jawatankuasa Pengurusan & Penasihat Undang-Undang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Roy Rajasingham. Mengikut struktur kakitangan yang baru, Jawatankuasa telah mencadangkan untuk menaikkan pangkat Encik Fong Wan Hor sebagai Penolong Pengurus Besar MOM dan cadangan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Eksekutif MOM pada 11hb Mei 2010. Selaras dengan ketetapan keperluan MOM dan WADA, Jawatankuasa telah mencadangkan kepada semua PSK supaya mengadakan peruntukan piawai berikut dalam Perlembagaan masing-masing

- ADR – Pengantaraan dan Timbangtara
- Peruntukan berkaitan dengan Kod WADA

MOM telah membeli Toyota Hiace baru berharga RM94,231.10 dengan tambahan tempat duduk mewah dengan tambahan sebanyak RM3,800/=.

5.4 **Jawatankuasa Media**

YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Media telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali semasa sesi tersebut. Perkara utama yang diusahakan adalah penubuhan Arena Astro. Perkara-perkara lain yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa tersebut adalah:-

- Memuktamadkan perjanjian dengan Dentsu Malaysia berkenaan cadangan 'Program Usahasama Olimpik Malaysia'
- Cadangan kepada 4 buah akhbar Malaysia setiap satu dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil bagi membenarkan MOM mengakhbarkan beberapa artikel berkaitan pembangunan sukan setiap bulan.
- Mengemaskini Website MOM sekurang-kurangnya dua kali seminggu
- Berkaitan dengan penubuhan BFM89.9 bagi menyalurkan berita sukan dan MOM.

MOM telah berjaya dalam rundingannya bersama Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd untuk menubuhkan satu Saluran TV yang akan bersiaran selama 24 jam dan 7 hari seminggu untuk Sukan Malaysia di bawah nama Arena Astro. Beberapa mesyuarat telah diadakan bersama PSK untuk memberi taklimat dan menerangkan butiran Arena Astro kepada mereka. Arena Astro telah mengenalpasti 6 sukan teras iaitu Badminton, Bolasepak, Hoki, Sepaktakraw, Squash dan Tenpin Bowling. Arena Astro akan menandatangani perjanjian secara individu dengan PSK enam sukan teras tersebut di atas. Konsep asas Arena Astro adalah seperti yang dilaporkan dalam perkara 6.4 - Seminar Acara Tahunan MOM Ke-9, 2009.

Arena Astro telah berjaya dilancarkan pada 18hb Mac 2010 jam 9.00 pagi oleh YB Dato' Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan Malaysia di Arena Sukan Tertutup MOM, Tingkat 3, Wisma OCM. Pada hari yang sama, Perjanjian di antara Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd dan MOM telah ditandatangani. Arena Astro telah memulakan siaran pada 26hb Mac 2010 di Saluran 801.

5.5. **Jawatankuasa Perubatan dan Kawalan Anti-Doping**

Jawatankuasa Perubatan dan Anti-Doping dipengerusikan YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan. Jawatankuasa ini terus memberi nasihat berkaitan hal ehwal perubatan dan anti-doping kepada MOM dan persatuan sukan. Jawatankuasa telah mencadangkan dua orang doktor iaitu Dr. Jasmiza Khuzairi Jasme dan Dr. Goh Siew Li untuk mengikuti Kursus Perubatan Sukan IOC Serantau yang diadakan di Jakarta mulai 19hb hingga 24hb Mei 2010.

Beberapa orang ahli dalam Jawatankuasa terus memainkan peranan penting dalam arena antarabangsa melalui kedudukan mereka dalam badan sukan masing-masing. Mereka termasuklah YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan (Penasihat Perubatan Kehormat CGF, Pengerusi Jawatankuasa Perubatan OCA dan ahli Suruhanjaya Perubatan IOC), YBhg. Dato' Dr. Gurucharan Singh (Pengerusi Suruhanjaya Perubatan Persekutuan Badminton Dunia dan ahli Suruhanjaya Perubatan FIFA), YBhg. Dato' Dr. S. S. Cheema (ahli Suruhanjaya Perubatan FIH dan Jawatankuasa Perubatan Persekutuan Sukan Tenggara), YBhg. Dato' Dr. Kanagalingam (ahli Suruhanjaya Perubatan Majlis Sukan Motor Dunia) dan Dr. J. S. Deo (Persatuan Renang Amatir Malaysia).

5.6 **Aktiviti Penilaian MOM**

Aktiviti Penilaian MOM kali kedua untuk PSK gabungan MOM telah diadakan mulai 1hb Ogos 2009 hingga 30hb April 2010. Kesemua 50 ahli gabungan MOM telah menghantar Soalselidik Penilaian kepada MOM untuk

dinilai dan disahkan. Perjumpaan telah diadakan bersama perwakilan daripada kesemua 50 ahli gabungan MOM dan selepas beberapa pindaan untuk PSK tertentu, keputusan akhir telah dicapai.

Jawatankuasa Penilaian telah berputus untuk mengkategorikan 50 ahli gabungan MOM di bawah 4 kategori:

- Kategori 1 – Kelas Sukan Olimpik dan/atau Kejohanan Dunia
- Kategori 2 – Kelas Sukan Asia/Komanwel dan/atau Kejohanan Asia/Komanwel
- Kategori 3 – Kelas Sukan SEA dan/atau Kejohanan Rantau Asia Tenggara
- Kategori 4 – PSK yang tidak mempunyai pertandingan

Setiap kategori kemudian dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu A dan B. A adalah PSK yang ada memenangi pingat dalam kelas masing-masing, sementara B adalah PSK yang tidak memenangi pingat tetapi mencapai piawaian tertentu. Kesimpulan pengkategorian adalah seperti berikut:

- Kategori 1A – 6 PSK dan Kategori 1B – 3 PSK
- Kategori 2A – 3 PSK dan Kategori 2B – 3 PSK
- Kategori 3A – 19 PSK dan Kategori 3B – 13 PSK
- Kategori 4 – 3 PSK

MOM telah mengeluarkan sijil yang mengandungi keputusan penilaian kepada setiap PSK.

5.7 **Jawatankuasa Pemilihan**

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan telah diadakan pada 28hb dan 29hb Julai 2009 untuk memilih pasukan ke Sukan Asia Dalam Dewan Ke-3 dan Sukan SEA Ke-25. Untuk Sukan SEA Ke-25, Jawatankuasa telah memutuskan bahawa atlet dan pegawai di bawah Kategori B akan dibekalkan dengan pakaian dan lain-lain barangan tajaan dan Atlet di bawah Kategori B kemungkinan akan dinaikan ke Kategori A, sekiranya mereka mencapai tahap kelayakan, berdasarkan keputusan terakhir mereka di kejohanan yang diiktiraf.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan telah diadakan pada 31hb Mei, 1hb dan 2hb Jun 2010, untuk memilih Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel XIX Delhi 2010, Sukan Asia Ke-16 Guangzhou 2010 dan Sukan Asia Pantai Ke-2 Muscat 2010. Kecuali 4 PSK yang tidak dapat hadir ke mesyuarat Pemilihan, pemilihan telah selesai untuk PSK yang lain.

5.8 **Jawatankuasa Sukan dan Sukan Untuk Semua**

Kongres Sukan untuk Semua Sedunia Ke-12 telah berjaya dikelolakan di Genting Highlands mulai 4hb hingga 6hb November 2008. YBhg. Dato' Roy Rajasingham, Cik Moira Tan dan Dato' Sieh Kok Chi telah menghadiri mesyuarat Suruhanjaya Sukan untuk Semua IOC pada 19hb Jun 2009 di Pejabat IOC di Lausanne. Laporan Rasmi Kongres Sukan untuk Semua Sedunia Ke-12 telah dibentang dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sukan untuk Semua IOC.

1,000 naskah Prosiding dan 300 naskah Laporan Rasmi Kongres Sukan untuk Semua Sedunia Ke-12 telah dicetak. Prosiding dan Laporan Rasmi telah dikemukakan untuk para penceramah dan ahli-ahli Suruhanjaya Sukan untuk Semua IOC, sementara para peserta hanya menerima senaskah Prosiding.

5.9 **Jawatankuasa Kemudahan dan Muzium MOM**

Jawatankuasa Kemudahan dan Muzium MOM dipengerusikan oleh YBhg. Dato' A. Sani Karim. Jawatankuasa ini telah dibahagi kepada dua Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Kemudahan dan Jawatankuasa Kecil Muzium. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 12 kali dan perkara utama yang telah dicapai adalah seperti berikut:-

Jawatankuasa Kecil Kemudahan

- Pengambilan Encik Chan Hing Wai sebagai Penasihat Penyelenggaraan Kemudahan separuh masa mulai 15hb Disember 2009.
- Mengubahsuai bilik menyimpan barang di Tingkat 1, Wisma OCM kepada Tandas VIP yang bersambung dengan Bilik Lembaga MOM.
- Memasang mesin kertas dalam tandas Pejabat MOM di Tingkat Mezzanine, tandas dan bilik persalinan di Tingkat 2 dan 3 di Kompleks Sukan Tertutup MOM.
- Membaiki kebocoran lantai di tandas wanita di Tingkat 2, Wisma OCM.
- Memasang mangkuk urin untuk bilik persalinan lelaki di Tingkat 2A, 2C dan 3 di Arena Sukan Tertutup MOM.
- Memotong dahan-dahan pokok dari YWCA yang menjulur keluar ke arah di Fasa I dan II Wisma OCM.

- Membaiki kerosakan paip kumbahan yang tersumbat dari bilik Hotel Olympic Sports, yang telah melimpah keluar ke pejabat-pejabat PSK di Tingkat 1 dan 2 serta pejabat MOM di Tingkat Mezzanine.
- Mengubahsuaikan dan menaiktaraf 3 lift yang terdapat di Fasa 1, Wisma OCM yang telah dipasang oleh Antah Schindler sejak tahun 1991. Geran sebanyak US\$100,000/= telah diterima daripada OCA untuk menanggung sebahagian daripada perbelanjaan pengubahsuaian dan kerja-kerja menaiktaraf.

Jawatankuasa Kecil Muzium

- Memasukkan YBhg. Tan Sri Darshan Singh (Berbasikal), YBhg. Dato' James Selvaraj (Badminton), YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. A. E. Delilkan (Kriket), Encik Lim Keng Liat (Renang) dan Encik Ho Ro Bin (Wushu) ke dalam Dewan Kemasyhuran MOM pada 16hb Januari 2010.
- Memasang 8 set kabinet baru untuk pameran di Muzium Sukan MOM.
- Menyiapkan ulasan untuk 39 daripada 142 ahli-ahli di Dewan Kemasyhuran MOM.
- Mengemaskinikan pameran Anugerah Olimpian Tahunan dan Anugerah Wanita dan Sukan MOM

5.10 Jawatankuasa Wanita Dan Sukan

Jawatankuasa ini dan Bahagian Wanita Sukan MSN telah mengendalikan aktiviti untuk mengumpul data penyertaan wanita Malaysia dalam sukan sebagai pemimpin, pemegang jawatan, jurulatih dan pegawai teknikal di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Aktiviti tersebut masih diusahakan.

Majlis Makan Malam Wanita Dan Sukan MOM Ke-7, 2009 telah berjaya dikelolakan pada 18hb November 2009 di Arena Sukan Tertutup MOM, Tingkat 3, Kompleks Sukan Tertutup MOM, Wisma OCM, Kuala Lumpur. Tetamu Kehormat adalah YB Dato' Razali Ibrahim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

Pemenang Anugerah Wanita dan Sukan 2009 adalah seperti berikut:-

- Anugerah Wanita dan Sukan MOM 2009 – Puan Zaiton Othman, atlet wanita Malaysia dan Asia dalam era 80an dan juga pemenang Anugerah Olahragawati Kebangsaan tahun 1982.
- Anugerah Kepimpinan – YAM Tunku Dara Tunku Tan Sri Naquiah binti Almarhum Tuanku Ja'afar, President Persatuan Bolasepak Wanita Malaysia.
- Anugerah Pembangunan di Peringkat Akar Umbi – Puan Faridah Osman, Jurulatih Memanah.
- Anugerah Usahasama – Ibumama Juara Squash Wanita Dunia, YBhg. Dato' Nicol Ann David iaitu Puan Anne Maria dan Encik Desmond David serta Ibumama Cik Siti Safiyah, Juara 'Ranking Masters' Dunia dalam Sukan Tenpin Boling iaitu Puan Faudziah dan Encik Abdul Rahman Mokhtar.

Majlis Makan Malam Wanita dan Sukan MOM Ke-8 2010 akan diadakan pada 23hb September 2010. Tetamu Kehormat adalah YB Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

5.11 Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee

Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee telah ditubuhkan dalam bulan November 1999, bagi memperingati Mendiang Tan Sri Alex Lee, Naib Presiden MOM, yang telah meninggal dunia dalam tragedi menyelam di Papua New Guinea pada 31hb Oktober 1999. Tabung Pendidikan ini menyediakan biasiswa pendidikan tahunan sebanyak RM3,000/= setahun untuk bekas atlet dan atlet kebangsaan untuk menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Pada tahun 1999, empat biasiswa baru telah dianugerahkan kepada atlet kebangsaan berikut: Cik Lim Poh Hong (Bola Tampar), Cik Nabilla Ariffin (Squash), Cik Durratun Nashihin Rosli (Gimnastik) dan Encik Faris Almas-Lee Rosmanizam (Kriket). Dengan 4 biasiswa terbaru di atas, Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee telahpun menganugerahkan biasiswa kepada 26 atlet kebangsaan daripada 11 jenis sukan untuk menyambung pengajian tinggi sejak tahun 2000. Tabung tersebut kini mempunyai sejumlah RM503,146.33.

MOM dengan bangganya mengumumkan kejayaan atlet Catur kebangsaan, Dr. Nicholas Chan salah seorang penerima biasiswa Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee yang telah mendapat Ijazah Perubatan di Kolej Perubatan Manipal Melaka, dimana beliau mengaji mulai tahun 2005 hingga Mac 2010.

5.12 Akademi Olimpik Kebangsaan

Akademi Olimpik Kebangsaan (NOA) telah dirombak semula mulai Julai 2009 dibawah kepimpinan, YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad dan Pengarah baru, Dr. Tan Siew Eng. Lembaga Penasihat untuk NOA telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad. Ahli-ahli Lembaga Penasihat adalah seperti berikut: YBhg. Datuk Dr. Paul Chan, YBhg. Dato' Radhakrishnan, Dr. Tan Siew Eng, YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz dan YBhg. Dato' Asariah bt. Mior Shahrudin.

Sesi Akademi Olimpik Kebangsaan untuk Pemimpin Muda Sukan Ke-13

Sesi Akademi Olimpik Kebangsaan untuk Pemimpin Muda Sukan Ke-13 telah berjaya dikelolakan mulai 25hb hingga 29hb Januari 2010 di Kompleks Sukan Tertutup MOM, Wisma OCM di bawah Pengarah Akademi baru, Dr. Tan Siew Eng dan pasukannya dengan bimbingan Pengerusi NOA, YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad juga Naib Presiden MOM. Upacara Pembukaan Sesi telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad pada 26hb Januari 2010 manakala Upacara Penutup telah disempurnakan oleh YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Presiden MOM pada 29hb Januari 2010.

Anugerah untuk peserta lelaki terbaik Malaysia telah dimenangi oleh Kevin Choo daripada sukan DanceSport dan peserta wanita terbaik Malaysia adalah atlet Taekwondo, Cik Vivience Voon daripada Universiti Malaysia Sabah. Mereka akan mewakili Majlis Olimpik Malaysia di Sesi IOA Ke-50 di Olympia, Greece mulai 23hb Jun – 3hb Julai 2010.

Sejumlah 35 peserta dengan 13 peserta luar negara dan selebihnya peserta Malaysia telah menghadiri Sesi tersebut. Peserta-peserta luar negara adalah masing-masing seorang dari Brunei Darussalam, Cambodia, China, Chinese Taipei, Hong Kong China, Indonesia, Jepun, Mongolia, Singapura, Thailand, Vietnam dan dua dari Iowa State, USA. Keseluruhannya Sesi tersebut telah berjaya dan mendapat maklumbalas yang positif daripada para peserta.

6. AKTIVITI-AKTIVITI MOM

6.1 Projek Kemasyarakatan Menanam Pokok - Sports Toto - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - MOM

Projek Kemasyarakatan Menanam Pokok Sports Toto - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - MOM telah dilancarkan pada 19hb Julai 2009 jam 9.00 pagi di kawasan perumahan di Kuala Lumpur. Sebanyak 300 batang pokok telah ditanam di sepanjang bulan kempen yang berakhir pada 19hb Ogos 2009. 30 batang pokok telah ditanam pada pagi 19hb Julai 2009. Sebelum upacara menanam pokok bermula, aktiviti senamrobik bersama Jazzercise dan klinik berjalan kaki untuk kanak-kanak oleh dua orang Pelumba Jalan kaki Kebangsaan telah diadakan. Sementara itu bagi memastikan pertumbuhan pokok mencapai tahap maksimum, taklimat cara-cara menanam pokok yang betul telah diberikan oleh pegawai Institut Penyelidikan Hutan Malaysia.

6.2 Kejohanan Golf Amal MOM-Tan Sri Alex Lee Ke-7 2009 untuk Tabung Pendidikan Atlet Tan Sri Alex Lee

Kejohanan Golf Amal MOM-Tan Sri Alex Lee Ke-7, 2009 telah berjaya dikelolakan pada 9hb November 2009 di Saujana Golf & Country Club. Sebanyak 31 pasukan telah mengambil bahagian dan di antaranya 12 pasukan PSK dan pertubuhan sukan. Kejohanan tersebut telah berjaya memperoleh lebih sejumlah RM52,877.50. Tabung tersebut kini mempunyai sejumlah RM503,146.33.

6.3 Majlis Perayaan Rumah Terbuka MOM 2009

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan Olympic Sports Hotel telah sama-sama menganjurkan Majlis Perayaan Rumah Terbuka 2009 di Olympic Sports Hotel pada hari Sabtu, 24hb Oktober 2009 dari jam 12.00 tengahari hingga 2.00 petang. Para tetamu ke Rumah Terbuka telah berpeluang melihat sendiri bilik-bilik yang telah diubahsuai, Dewan Banquet, Dewan Dato' Ho Koh Chye dan Dewan Datuk Mokhtar Dahari, di mana telah siap dengan kos melebihi RM6.0 juta. Ahli-ahli daripada Persatuan Sukan Kebangsaan, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, rakan-rakan, penaja-penaja, penyokong dan rakan-rakan MOM turut memeriahkan Rumah Terbuka tersebut.

6.4 Seminar Acara Tahunan Ke-9 MOM 2009

Seminar Acara Tahunan Ke-9 MOM 2009 telah diadakan pada 25hb Julai 2009 di Bilik Konferens, Tingkat 2, Kompleks Sukan Tertutup MOM, Wisma OCM. Encik Bob Kemp daripada Astro telah membentangkan kertas kerja saluran baru yang akan dilancarkan dalam Pakej Keluarga Astro di bawah nama Arena Astro. Dalam taklimatnya, beliau menyatakan bahawa Arena Astro akan mempunyai 4 saluran, akan bersiaran siaran dalam Bahasa Malaysia dan menasarkan penonton dalam lingkungan umur 10-40 serta akan menyalurkan 700 jam secara langsung sukan tempatan setahun dengan lebih 2000 jam ulangan bagi membolehkan orang ramai menyaksikan sukan tempatan. Ia juga akan membuat liputan rakyat Malaysia beraksi di peringkat antarabangsa dengan purata 56 jam seminggu. Beliau berkata bahawa dalam 18 bulan akan datang adalah Arena Astro akan membuat liputan Malaysia mengambil bahagian dalam Sukan SEA, Komanwel, Asia dan Sukan Olimpik Remaja di Singapura.

Beliau menyatakan bahawa MOM dan Astro telah menandatangani MOU sebagai asas kejayaan Saluran tersebut. Astro berharap akan dapat membuat lebih banyak liputan di peringkat serantau, kebangsaan dan negeri. Sudah tentu Astro tidak dapat membuat liputan sepenuhnya, tetapi jika Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) boleh merancang lebih daripada satu perlawanan atau kejohanan pada masa yang sama, sebahagiannya boleh dirakamkan untuk ulang tayang.

Encik Bob Kemp menyatakan bahawa Astro akan menyokong PSK dengan menawarkan pakej keudara yang menarik jika dapat bekerjasama dengan Saluran tersebut. Arena Astro akan mencari beberapa penaja utama bagi membantu melancarkan Saluran tersebut. Sebelum Astro memulakan siaran, ia perlu menandatangani Lesen Perjanjian dengan PSK terlebih dahulu termasuk peluang untuk membuat liputan acara-acara antarabangsa PSK. Acara-acara yang lain akan disiarkan dalam berita dan sebahagiannya dalam program sampingan Astro yang lain, jika Astro dimaklumkan akan acara tersebut.

Encik Bob Kemp menekankan bahawa acara Kalendar sukan adalah penting untuk kejayaan Saluran tersebut. PSK diminta sentiasa membekalkan maklumat acara dan jadual masing-masing kepada MOM. Saluran sukan tempatan ini tidak akan memberi apa-apa makna sekiranya PSK tidak dapat membekalkan isi kandungan yang diperlukan. Encik Bob Kemp menggulung bicaranya dengan berkata bahawa Astro Arena akan menyokong PSK sekiranya PSK menyokong Arena Astro dan bersama-sama meraikan sukan di Malaysia.

YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, mengucapkan terima kasih kepada Encik Bob Kemp atas taklimat yang disampaikan dan menyeru PSK agar dapat bekerjasama dengan Arena Astro untuk promosi dan pembangunan sukan dan pada masa yang sama meningkatkan hasil potensi sukan masing-masing. Beliau menekankan betapa pentingnya perancangan dan persiapan awal kalendar acara mereka bagi membolehkan Arena Astro mempunyai masa yang cukup merancang program siaran langsung. Beliau menyatakan bahawa bagi menjayakan Arena Astro, PSK perlu cekap dalam merancang serta mengelolakan kejohanan yang lebih menarik.

6.5 **Asia Sports 2009**

MOM dan WharfHouse Pte. Ltd. telah menganjurkan bersama Asia Sports 2009 mulai 23hb hingga 25hb November 2009 di Pusat Konvensyen Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Asia Sports 2009 telah bermula pada pagi 23hb November dengan Hari Golf dengan tema 'A Pro for a Day' untuk penceramah dan delegasi, di Saujana Golf & Country Club, Subang. Majlis Makan Malam Sambutan Rasmi yang ditaja oleh Tourism Malaysia telah diadakan di sebelah petang. Tumpuan utama Konferens tersebut adalah ucapan khas daripada YB. Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Undang-Undang, dibaca oleh Timbalan Menteri Undang-Undang, YB. Datuk Liew Vui Keong dan ucapan utama oleh YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar.

6.6 **Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-17 2009**

Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-17 telah berjaya dianjurkan pada 16hb Januari 2010 di Arena Sukan Tertutup MOM. Seramai 600 warga sukan, mewakili Persatuan Sukan Kebangsaan gabungan MOM, penaja-penaja, atlet-atlet, pegawai-pegawai dan wakil media telah menghadiri Majlis Makan Malam tersebut. Tetamu Kehormat adalah YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Tetamu-tetamu utama yang lain adalah YB Dato' Razali Ibrahim dan YB Dato' Wee Jeck Seng, dua orang Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YBhg. Dato' Zolkples Embong, Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara dan YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz, Ketua Pengarah, Institut Sukan Negara. Syarikat Coca-Cola diwakili oleh Encik Antonio V. Del Rosario Jr., Pengurus Besar, Rantau Malaysia-Singapura-Brunei dan Encik Khalid Alvi, Pengurus Operasi Komersial, Rantau Malaysia-Singapura-Brunei. Seorang tetamu kejutan adalah Encik Alain Robert yang dikenali sebagai 'Human Spiderman' dari Perancis, yang telah memanjat hampir semua bangunan tertinggi di dunia termasuk Menara Berkembar Petronas Malaysia tanpa sebarang alatan.

6.7 **Anugerah Olimpian Tahunan MOM-Coca-Cola 2009**

Anugerah Olimpian Tahunan MOM-Coca-Cola 2009 telah disampaikan semasa Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-17 pada 16hb Januari 2010 di Arena Sukan Tertutup MOM, Wisma OCM, Kuala Lumpur. Selaras dengan criteria pemilihan yang sediada, pemilihan Olimpian Tahun 2009 adalah berdasarkan kepada pencapaian di Sukan SEA Ke-25 2009. Berikut adalah individu dan pasukan terpilih:-

- Olimpian Tahunan 2009 Lelaki – Daniel Bego, yang telah memenangi 5 pingat emas dalam acara renang di Vientiane dan memecahkan 4 rekod Sukan SEA. Beliau juga telah dianugerahkan Atlet Lelaki Cemerlang Sukan SEA Ke-25.
- Olimpian Tahunan 2009 Wanita – Pasukan Badminton Wanita yang telah memenangi acara Pasukan Wanita selepas kemarau selama 34 tahun.

YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan anugerah yang mengandungi medal dan hadiah wang tunai sebanyak RM10,000/= kepada pemenang semasa Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-17 pada 16hb Januari 2010.

6.8 **Konferens Tahunan MOM Ke-10 2010**

Konferens Tahunan MOM Ke-10 telah berjaya diselenggarakan pada 23hb Januari 2010 di Wisma OCM dengan penyertaan 125 peserta. Tema Konferens adalah "From 'good' to 'great' – taking OCM to new heights". Objektif Konferens adalah untuk pandangan daripada ahli gabungan MOM, dan lain-lain bagi membantu MOM merangka Pelan Strategik MOM lima tahun 2011 hingga 2016.

Presiden MOM, YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, telah menyampaikan Ucaptama. YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden MOM kemudiannya memberi taklimat akan proses-proses penyediaan Pelan Strategik diikuti dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh Dato' Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat, MOM.

Sesi Panel pertama adalah berkenaan pencapaian Situasi Analisis pencapaian MOM, kekuatan dan kelemahan dengan YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad sebagai moderator. Ahli-ahli panel adalah Cik Hajah Norminshah Sabirin, Encik Khawari Md. Isa dan Encik Wan Yew Leong.

Sesi Panel kedua adalah "Where do we want to go and how to get there?" dengan YBhg. Dato' Roy Rajasingham sebagai moderator. Ahli-ahli panel adalah YBhg. Dato' Peter Velappan, Encik Sivanandan dan Encik Ramble Rice-Oxley.

Selepas setiap dua sesi panel tersebut, konferens dibuka kepada peserta-peserta untuk menyuarakan pandangan mereka. Seramai 20 peserta telah mengambil peluang untuk menyuarakan pandangan dimana ini merupakan satu maklumbalas yang baik. Setiap peserta diberi masa 5 minit untuk bercakap dan bererapa orang telah melebihi masa. Jika tidak disebabkan kesuntukan masa, lebih ramai peserta akan dapat memberikan pandangan mereka.

Sesi akhir panel telah dikendalikan oleh YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar. YBhg. Dato' Nik Mahmud Nik Yusof, Pesuruhjaya Sukan, Encik Suhardi Alias, mewakili Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara dan YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz, Ketua Pengarah Institut Sukan Negara, telah menyampaikan pandangan mereka berkenaan tema Konferens tersebut.

YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar menggulung Konferens dengan membentangkan perkara utama yang dibangkitkan semasa Konferens dan memaklumkan bahawa laporan yang disediakan oleh para pelapor akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Pelan Strategik di bawah pimpinan YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan untuk menyediakan Pelan Strategik 5 tahun MOM 2011 hingga 2016.

Dapatan daripada Konferens MOM telah dibahagi kepada lima bahagian yang diketuai oleh seperti berikut:-

- PSK dan MOM – Cik Low Beng Choo
- Hubungan dengan Kerajaan – YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad
- Jenama/Imej/Profil – YBhg. Prof. Dato' Ar. W.Y. Chin
- Urus Tadbir – YBhg. Dato' A. Sani Karim
- Kewangan MOM – YBhg. Dato' Seri Kee Yong Wee

6.9 **Duta Muhibbah Sukan MOM (SGA)**

Perjumpaan Tahunan Duta Muhibbah Sukan MOM Ke-5 telah berjaya diadakan pada hari Sabtu, 6hb Februari 2010 di Wisma OCM, Kuala Lumpur. YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Alex Delilkan telah memberi ceramah bertajuk "Pendidikan dan Sukan". Beliau telah menyentuh isu berkaitan kombinasi sukan dan pendidikan sebagai kerjaya dalam hidup.

6.10. **Perayaan Ulangtahun Ke-50 Pembentukan Perhubungan Diplomatik diantara Malaysia dan Korea – Demonstrasi Taekwondo oleh Pasukan Demonstrasi Taekwondo Kebangsaan Korea**

MOM dan Persatuan Taekwondo Korea di Malaysia (KTAM) telah bekerjasama menyelenggarakan demonstrasi Taekwondo pada 11hb Mei 2010 dari jam 8.00 mlm hingga 9.45 mlm oleh 14 orang atlet Taekwondo dari Pasukan Demonstrasi Taekwondo Kebangsaan Korea. Demonstrasi Taekwondo di Kuala Lumpur adalah merupakan sebahagian daripada sambutan Perayaan Ulangtahun Ke-50 Pembentukan Perhubungan Diplomatik diantara Malaysia dan Republik Korea.

Tarikan utama pada petang tersebut adalah Demonstrasi oleh 14 orang ahli Pasukan Demonstrasi Taekwondo Kebangsaan Korea yang mempamerkan 22 jenis pertunjukan. Lebih kurang 700 penonton yang menyaksikan persembahan tersebut kagum dengan ketangkasan, kekuatan, kepantasan serta teknik yang ditunjukkan oleh atlet-atlet Taekwondo Korea.

Atlet-atlet Taekwondo Korea bergilir-gilir memecahkan keping-keping papan pine yang disusun dalam pelbagai ketinggian dari lutut ke 3m, depan, belakang, tepi, berpusing, tendangan pusingan cangkuk dan lain-lain dengan mengambil beberapa langkah larian, meloncat dan melompat dari lantai dan dari belakang, lengan dan badan rakan mereka. Ini adalah satu-satunya Demonstrasi Taekwondo yang terbaik pernah diadakan di Kuala Lumpur. Acara kemuncak pada petang tersebut adalah pertunjukkan oleh Ketua Pasukan, Grand Master Lee Choon Woo, di mana beliau telah memecahkan seramik setebal 12” dengan sekali tumbukan sahaja.

7. **AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA OLIMPIK ANTARABANGSA**

7.1 **Kongres Olimpik Ke-13**

Kongres Olimpik Ke-13 telah diadakan mulai 3hb hingga 5hb Oktober 2009 di Copenhagen, Denmark. Kongres Olimpik adalah merupakan suatu forum yang penting untuk Keluarga Olimpik untuk membincangkan masa hadapan Pergerakan Olimpik. Ia akan diadakan dengan restu IOC dan lazimnya diadakan setiap 12 tahun ke atas. Kongres yang terakhir diadakan pada tahun 1994 di Paris. MOM telah diwakili oleh YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almahum Tuanku Ja'afar yang hadir dengan kapasiti beliau sebagai Ahli IOC, Cik Low Beng Choo, sebagai Setiausaha Agung Persekutuan Sofbol Antarabangsa dan Dato'Sieh Kok Chi sebagai Setiausaha Kehormat, MOM.

Upacara Pembukaan Kongres Olimpik Ke-13 diadakan pada 3hb Oktober dengan Dr Jacques Rogge, Presiden IOC melakukan ucapan aluan. Datuk Bandar Copenhagen, Cik Ritt Bjerregaard kemudiannya telah menyampaikan ucapan aluan dan diikuti oleh Putera Mahkota Denmark dan YB Menteri Kebudayaan Denmark, Cik Carina Christensen. Dr Jacques Rogge kemudiannya telah menyampaikn Ucaptama dan diikuti Ucaptama oleh Encik Ban Ki-Moon, Setiausaha PBB. Tema utama Kongres Olimpik Ke-13 adalah 'Pergerakan Olimpik Dalam Masyarakat' dengan tema-tema berikut:-

- Tema 1 : Atlet
- Tema 2 : Sukan Olimpik
- Tema 3 : Struktur Pergerakan Olimpik
- Tema 4 : Belia dan Olympism
- Tema 5 : Revolusi Digital

7.2 **Tropi IOC 2009 “Sport and the Fight against Doping”**

Tropi IOC 2009 “Sport and the Fight against Doping” telah dianugerahkan kepada YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden MOM, ahli Suruhanjaya Perubatan IOC, Pengerusi Jawatankuasa Perubatan Majlis Olimpik Asia dan Penasihat Kehormat Perubatan Persekutuan Sukan Komanwel. Beliau telah menerima Tropi tersebut daripada YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, President MOM dan Ahli IOC, di Majlis Makan Malam Tahunan MOM Ke-17 pada 16hb Januari 2010.

7.3 **Anugerah Wanita dan Sukan IOC 2010**

Anugerah IOC Wanita dan Sukan 2010 telah dianugerahkan setiap tahun bagi mempromosi kemajuan wanita dalam sukan. Puan Zaiton Othman pemenang Anugerah Wanita dan Sukan MOM 2009 telah dicalonkan untuk Anugerah Wanita dan Sukan IOC 2010.

7.4 **Larian Hari Olimpik McDonald's 2009**

Larian Hari Olimpik McDonald's 2009 telah berjaya dikelolakan di Dataran Merdeka Kuala Lumpur pada 12hb Julai 2009 dari jam 7.30 pagi. Larian ini telah diadakan buat kali ketiga di Kuala Lumpur, sebelum ini ia pernah diadakan sekali di Johor Bahru (2005), Kuantan (2006) dan Pulau Pinang (2007). Seramai 4,500 pelari dalam sepuluh kategori yang berlainan telah menyertai larian tersebut. Larian tersebut telah dilepaskan oleh YB Dato' M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, dan diiringi oleh Cik Sarah Casanova, Pengarah Urusan McDonald's Malaysia dan YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden MOM.

7.5 **Akademi Olimpik Antarabangsa – Olympia**

Peserta terbaik lelaki dan wanita Malaysia untuk Sesi NOA 2009 iaitu Encik Prem Kumar Subbanna daripada Persekutuan Karate Malaysia dan Cik Thoh Chai Ling daripada Persatuan Bola Keranjang Malaysia telah

menyertai Sesi Antarabangsa untuk Pemimpin Muda Ke-49, Akademi Olimpik Antarabangsa yang diadakan di Olympia, Greece mulai 10hb hingga 24hb Jun 2009.

Peserta terbaik lelaki dan wanita Malaysia untuk Sesi NOA 2010, Encik Kevin Choo daripada DanceSport dan Cik Vivienne Voon daripada Taekwondo akan mewakili Majlis Olimpik Malaysia ke Sesi IOA Ke-50 di Olympia, Greece mulai 16hb hingga 30hb Jun 2010.

Dr. Tan Siew Eng, Pengarah Akademi Olimpik Kebangsaan (NOA) telah menghadiri Sesi Bersama Antarabangsa untuk Presiden/Pengarah Akademi Olimpik Kebangsaan dan Pegawai-pegawai Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Ke-10 di Olympia, Greece mulai 12hb hingga 19hb Mei 2010.

7.6 **Bidaan untuk Menjadi Tuan Rumah Sesi IOC Ke-125 di Kuala Lumpur tahun 2013**

MOM memutuskan untuk membuat bidaan menjadi tuan rumah Sesi IOC Ke-125 di Kuala Lumpur pada tahun 2013. Bandaraya Kuala Lumpur telah disenaraipendek sebagai salah sebuah calon bandaraya untuk tuan rumah Sesi IOC Ke-125 tahun 2013. Suruhanjaya Penilaian IOC telah diketuai oleh Pengerusinya Encik Ng Ser Miang (Naib Presiden IOC) telah melakukan lawatan kerja ke Kuala Lumpur pada 19hb dan 20hb November 2009. Ahli-ahli Suruhanjaya lain adalah Encik Willi Kaltschmit (Ahli IOC), Encik Thierry Springer (Pengarah Kewangan dan Pentadbiran IOC) dan Encik Paul J. Foster (Ketua Protokol, Acara dan Perkhidmatan Hospitaliti IOC). Suruhanjaya Penilaian IOC memberi komen yang baik terhadap taraf kemudahan yang tinggi dan serba moden yang terdapat di Kuala Lumpur.

Pemilihan untuk Bandaraya Tuan Rumah telah dibuat pada 10hb Februari 2010 di Hotel Westin, Vancouver, Buenos Aires telah memenangi hak untuk menganjurkan Sesi IOC Ke-125 pada 2013 mengatasi Kuala Lumpur dengan 58 undi berbanding 31 undi. Seramai 91 orang Ahli IOC telah menghadiri Sesi IOC Ke-122. Antara 91 orang Ahli IOC yang hadir, seorang tidak berada dalam Sesi sementara seorang lagi tidak membuang undi.

7.7 **Sukan Olimpik Remaja Pertama (YOG) 2010**

Encik Alex Lim Keng Liat, Chef de Mission untuk Sukan Olimpik Remaja Pertama telah menghadiri Seminar YOG untuk Chef de Mission di Singapura mulai 22hb hingga 24hb Mac 2010. Sejumlah 13 orang atlet telah layak untuk menyertai YOG dalam sukan berikut:

- Olahraga – 3 atlet lelaki, Lompat Tinggi, Lompat Bergalah dan 110m Lari Berpagar setiap seorang.
- Badminton – 1 atlet lelaki dan 1 atlet perempuan
- Terjun – 1 atlet lelaki dan 1 atlet perempuan
- Gimnastik Berirama – 1 atlet perempuan
- Perahu Layar – 1 atlet lelaki dan 1 atlet perempuan
- Renang – 1 atlet lelaki dan 1 atlet perempuan
- Angkat Berat – 1 atlet perempuan dalam Kategori 58kg

8 **AKTIVITI-AKTIVITI MAJLIS OLIMPIK ASIA**

8.1 **Mesyuarat Jawatankuasa Sukan OCA 2009**

Mesyuarat Jawatankuasa Sukan OCA telah diadakan di Swissotel, Singapura pada 29hb Jun 2009. Dato' Sieh Kok Chi, salah seorang ahli Jawatankuasa, telah menghadiri Mesyuarat tersebut.

8.2 **Perhimpunan Agung OCA Ke-28 2009**

Perhimpunan Agung OCA Ke-28 telah diadakan di Swissotel, Singapura pada 3hb Julai 2009. Cik Low Beng Choo, Naib Presiden MOM dan Dato' Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat MOM telah menghadiri Perhimpunan Agung tersebut.

Perkara-perkara berikut telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung:

- Selepas Sukan Asia Ke-17 2014 di Incheon, Sukan Asia Ke-18 akan diadakan dalam tahun 2019, tahun ganjil sebelum Sukan Olimpik 2020.
- Sukan Asia akan mempunyai 35 jenis sukan secara maksimum dengan 28 sukan yang terdapat dalam program Sukan Olimpik dan 7 jenis sukan lagi akan dipilih daripada 10 jenis sukan yang tidak terdapat dalam program Sukan Olimpik

- 38 jenis sukan tidak akan disenaraikan dalam Sukan Asia lain seperti Sukan Asia Dalam Dewan dan Seni Mempertahankan Diri serta Sukan Asia Pantai, walaupun acara dan disiplin 38 jenis sukan tersebut termasuk dalam senarai dua sukan tersebut di atas.
- Mencantumkan Sukan Asia Dalam Dewan dan Sukan Asia Seni Mempertahankan Diri dengan nama Sukan Asia Dalam Dewan dan Seni Mempertahankan Diri .
- Kalendar Sukan Asia di bawah OCA mulai tahun 2011 hingga 2020 adalah seperti berikut:-
 - 2011 – Sukan Asia Musim Sejuk di Astana-Almarty, Kazakhstan
 - 2012 – Sukan Asia Pantai Ke-3 di Haiyang, China
 - 2013 – Sukan Asia Remaja Asia Ke-2 di Incheon, Korea dan Sukan Dalam Dewan dan Seni Mempertahankan Diri di Doha, Qatar
 - 2014 – Sukan Asia Ke-17 di Incheon, Korea
 - 2015 – Tuan Rumah Sukan Asia Pantai AsiaKe-4 belum diputuskan
 - 2016 – Tuan Rumah Sukan Asia Dalam Dewan dan Seni Mempertahankan Diri belum diputuskan
 - 2017 – Tuan Rumah Sukan Asia Musim Sejuk dan Sukan Asia Remaja belum diputuskan
 - 2018 – Tuan Rumah Sukan Asia Pantai belum diputuskan
 - 2019 – Tuan Rumah Sukan Asia belum diputuskan
 - 2020 – Tuan Rumah Sukan Asia Dalam Dewan dan Seni Mempertahankan Diri belum diputuskan

8.3 Seminar Chef de Mission untuk Sukan Asia Musim Sejuk 2011

YBhg. Dato' Lee Hwa Beng, Presiden Persekutuan Hoki Ais Malaysia telah dilantik sebagai Chef de Mission dan YBhg. Datin Laila Abdullah, Presiden Persatuan Meluncur Ais Malaysia sebagai Timbalan Chef de Mission yang bertanggungjawab ke atas Figure Skating. YBhg. Dato' Lee Hwa Beng, telah menghadiri Seminar Chef de Mission untuk Sukan Asia Musim Sejuk 2011 di Almaty pada 30hb dan 31hb Mac 2010.

8.4 Sukan Asia Ke-16 di Guangzhou 2010

YBhg. Dato' Zolkples Embong, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara telah dilantik Chef de Mission untuk Kontinjen Malaysia ke Sukan Asia Ke-16 di Guangzhou mulai 12hb hingga 25hb November 2010. Timbalan Chef de Mission adalah YBhg. Dato' Musa Omar daripada Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia. Seminar Chef de Mission untuk Sukan Asia Ke-16 telah diadakan di Guangzhou mulai 11hb hingga 13hb November 2009. YBhg. Dato' Musa Omar, Timbalan CDM, Encik Ariffin Mohd Ghani daripada MSN dan Encik Fong Wan Hor daripada MOM telah menghadiri Seminar tersebut. MOM telah menghantar borang pendaftaran awal dengan jumlah 34 jenis sukan dengan 288 atlet lelaki dan 179 atlet wanita, menjadikan jumlah seramai 467 atlet. Bilangan pegawai pasukan yang diperuntukkan berdasarkan 467 atlet adalah seramai 118 orang termasuk Chef de Mission. Jumlah pendaftaran atlet dan pegawai adalah 585. Jenis sukan yang telah daftarkan adalah:- Olahraga, Akuatik, Memanah, Badminton, Sukan Billiard, Tenpin Bowling, Tinju, Catur, Kriket, Berbasikal, DanceSport, Ekuestrian, Lawan Pedang, Kabaddi, Karate, Bolasepak, Golf, Hoki, Gimnastik, Ragbi, Pelayaran, Sepaktakraw, Menembak, Squash, Ping Pong, Taekwondo, Tenis, Triathlon, Bola Tampar, Angkat Berat, Wushu, Weiqi, Perahu Naga dan Xiangqi.

8.5 Kem Remaja Sukan Asia Guangzhou 2010

Cik Lim Ann Er (16 tahun) daripada Persatuan Ping Pong Malaysia dan Encik Samuel Chan Lup Zing (18 tahun) daripada Persatuan Squash Malaysia akan mewakili MOM di Kem Remaja Sukan Asia Guangzhou yang akan diadakan mulai 10hb hingga 21hb November 2010.

8.6 Sukan Pantai Asia Ke-2, 2010 di Muscat

MOM telah menghantar borang pendaftaran awal ke Sukan Asia Pantai Ke-2, 2010 di Muscat dalam 7 jenis sukan dengan 23 atlet lelaki dan 17 atlet wanita serta 25 pegawai pasukan menjadikan jumlah pendaftaran 65 atlet dan pegawai. Ybhg. Dato' James Selvaraj, bekas pemain Badminton nasional dan Piala Thomas telah dilantik sebagai Chef de Mission.

9. AKTIVITI-AKTIVITI PERSEKUTUAN SUKAN KOMANWEL

9.1 Perhimpunan Agung CGF 2009

YBhg. Dato' Roy Rajasingham dan Cik Low Beng Choo, Naib Presiden MOM telah menghadiri Perhimpunan Agung Persekutuan Sukan Komanwel 2009 yang telah diadakan di Delhi, India mulai 10hb hingga 12hb Oktober 2009. YAM Tunku Tan Sri Imran Ibnu Almarhum Tuanku Ja'afar dan YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan, masing-masing turut menghadiri Perhimpunan Agung sebagai Naib Presiden dan Penasihat Perubatan Kehormat CGF.

9.2 **Seminar Chef de Mission untuk Sukan Komanwel XIX Delhi 2010**

Seminar Chef de Mission untuk Sukan Komanwel Ke XIX Delhi 2010 telah diadakan mulai 8hb hingga 12hb Mac 2010. Delegasi Malaysia ke Seminar tersebut adalah Chef de Mission, YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Halil Mutalib (Presiden, Memanah), Pengurus Besar Kontinjen Malaysia, Encik Jefri Ngadirin daripada MSN dan Encik Norhashimi Hussain daripada MOM. Seminar ini mengandungi Bengkel CDM yang direka bagi membantu semua CDM dalam perancangan Pasukan masing-masing. Sesi bengkel pula direka untuk membantu mereka yang pertama kali dilantik sebagai CDM. Ia merangkumi topik seperti geran perjalanan, sukan, akreditasi, anti-doping dan sebagainya. Sebagai tambahan 5 Sesi Bengkel untuk ahli-ahli Urusetia Kontinjen telah diadakan dalam aspek seperti berikut:- Akreditasi & Penyertaan, Pengangkutan, Perkampungan Sukan, Katering dan Khidmat Pemakanan, Mesyuarat, Pasukan Sokongan CGA dan Protokol serta Seminar Anti-Doping.

9.3 **Sukan Komanwel XIX Delhi 2010**

YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Halil bin Mutalib, Presiden Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia telah dilantik Chef de Mission untuk Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel XIX Delhi 2010. MOM telah menghantar borang pendaftaran awal mengikut nombor untuk 5 jenis sukan dengan 133 atlet lelaki dan 105 atlet wanita menjadikan jumlah 238 atlet. Jumlah pegawai pasukan yang diperuntukan berdasarkan 148 atlet adalah 117 termasuk Chef de Mission. Jumlah atlet dan pegawai adalah 355. Sukan yang telah didaftarkan oleh MOM adalah Olahraga, Akuatik, Memanah, Badminton, Tinju, Berbasikal, Gimnastik, Hoki, Lawn Bowls, Ragbi 7-sebelah, Menembak, Squash, Ping Pong, Tenis dan Angkat Berat.

9.4 **Peluang Pekerjaan dengan Sukan Komanwel Delhi 2010**

Jawatankuasa Pengelola Sukan Komanwel (CWG) Delhi 2010 telah menerima 5 rakyat Malaysia untuk bekerja dengan Jawatankuasa Pengelola CWG Delhi 2010. Mereka yang telah diterima adalah Encik S. Vegiyathuman (FTAAA), Encik Ramble Dallan Rice-Oxley (Persekutuan Lawn Bowls Malaysia), Encik Tony Mariadas bekas Pengarang Sukan, Akhbar Malay Mail, Encik Cyril Sen (Persatuan Ping Pong Malaysia) dan Encik Joshua Edgar seorang sukarelawan. Tempoh pekerjaan mereka adalah mulai Mei hingga Oktober 2010.

9.5 **Konferens Pembangunan Sukan Komanwel Ke-3 2010**

Encik Fong Wan Hor, Penolong Pengurus Besar MOM mewakili MOM ke Konferens Pembangunan Sukan Komanwel Ke-3 yang diadakan di Glasgow mulai 2hb hingga 4hb Jun 2010. Cik Low Beng Choo turut menghadiri Konferens tersebut dalam kapasiti beliau sebagai Naib Pengerusi CABOS.

9.6 **Larian Queen's Baton Sukan Komanwel Delhi 2010**

Queen's Baton Sukan Komanwel Delhi 2010 telah tiba di Malaysia dari Brunei Darussalam pada 11hb Jun 2010 dan berlepas ke Maldives pada 14hb Jun 2010. Larian Queen's Baton telah diadakan di Melaka pada 12hb Jun 2010. Bandaraya Melaka telah dipilih kerana Melaka merupakan Negeri tertua di Malaysia dan disenaraikan sebagai Khazanah Dunia oleh UNESCO. Negeri Melaka juga merupakan tuan rumah SUKMA Ke-XIII mulai 10hb hingga 19hb Jun 2010. Oleh yang demikian, semua atlet-atlet remaja dari 14 negeri di Malaysia yang berada di Melaka pada 12hb Jun 2010 berpeluang menyaksikan Larian Queen's Baton 2010. 14 kontinjen negeri turut mengambil bahagian dalam Larian Queen's Baton bersama-sama pelari lain yang dipilih oleh Jawatankuasa Pengelola Larian Queen's Baton Melaka. Kenamaan yang menyempurnakan Larian tersebut adalah YAB Ketua Menteri Melaka, Pesuruhjaya Tinggi India dan Cik Low Beng Choo, Naib Presiden MOM. Mereka turut mengambil bahagian dalam Larian tersebut. Penaja Tempatan untuk Larian Queen's Baton adalah 100Plus.

9.7 **Program Persekitaran Sukan Komanwel 2010**

Jawatankuasa Pengelola Sukan Komanwel 2010 (OC-CWG) berusaha kearah pembentukan Sukan Komanwel yang dapat memberi impak terhadap pemeliharaan alam sekitar dengan visi "Striving towards reducing the carbon footprint becoming the benchmark for all multi-disciplinary games in the future".

Berdasarkan di atas, OC-CWG telah aktiviti menanam pokok pada 12hb Jun 2010 secara serentak iaitu Bandaraya Kuala Lumpur jam 6.00 petang, London jam 11.00 pagi dan New Delhi jam 3.30 petang. Objektif aktiviti serentak di tiga bandaraya tersebut adalah untuk membentuk "Green Link" yang pertama. Di London aktiviti tersebut di Ibu Pejabat Komanwel iaitu Marlborough House dan di Kuala Lumpur diadakan di hadapan Wisma OCM. YBhg. Prof. Dato' Ar. W. Y. Chin, Naib Presiden MOM telah menanam pokok bagi pihak Majlis Olimpik Malaysia.

9.8 **Larian Ceria Queen's Baton Sukan Komanwel Delhi 2010**

Larian Ceria Queen's Baton Sukan Komanwel Delhi 2010 sejauh 5 km telah diadakan di Dataran Merdeka pada 13hb Jun 2010 jam 7.30 pagi dengan penyertaan lebih 200 peserta. Objektif Larian Ceria ini adalah untuk memberi publisiti dan sokongan kepada Sukan Komanwel XIX Delhi 2010. Penaja Tempatan untuk Larian Ceria ini adalah 100Plus, Bata Milo dan Sports Toto.

10. **AKTIVITI-AKTIVITI PERSEKUTUAN SUKAN ASIA TENGGARA**

10.1 **Mesyuarat Persekutuan Sukan Asia Tenggara 2009 (SEAGF)**

Persekutuan Sukan Asia Tenggara telah mengadakan mesyuaratnya mulai 6hb hingga 8hb Disember 2009 di Hotel Don Chan Palace, Vientiane, Laos. Berikut adalah individu yang telah menghadiri mesyuarat tersebut:-

- YBhg. Dato' Dr. S.S. Cheema dan YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Perubatan dan Jawatankuasa Ad-Hoc Disiplin Anti-Doping untuk Sukan SEA Ke-25 yang diadakan di Vientiane pada 6hb Disember 2009.
- YBhg. Prof. Dato' Ar. W. Y. Chin menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sukan dan Undang-Undang pada 6hb Disember 2009, mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif pada 7hb Disember 2009 dan mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara pada 8hb Disember 2009.
- YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Dato' Sieh Kok Chi, YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan, YBhg. Prof. Dato' Ar. W.Y. Chin dan Cik Low Beng Choo telah menghadiri mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara pada 8hb Disember 2009.

Jawatankuasa Eksekutif dan Majlis telah mengambil nota perkara berikut:-

- Rekomendasi untuk Jawatankuasa Sukan dan Undang-Undang memberi kebenaran kepadat Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Ke-25 untuk menganugerahkan pingat emas, perak dan gangsa bagi acara dimana hanya terdapat 3 peserta sahaja.
- Cadangan program sukan untuk Sukan SEA Ke-26 oleh Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Indonesia iaitu Tuan Rumah Sukan SEA Ke-26 tahun 2011.
- Ketidakkampuan Singapura untuk menganjurkan Sukan SEA Ke-27 tahun 2013 disebabkan cadangan 'Sports Hub' tidak dapat disiapkan sehingga 2013.

10.2 **Pejabat Penyelarasan Persekutuan Sukan Asia Tenggara**

Pejabat Penyelarasan Persekutuan Sukan Asia Tenggara telah dibuka secara rasmi TYT Sheikh Ahmad Al-Fahad Al-Sabah, Presiden Majlis Olimpik Asia (OCA) pada 11hb November 2009 di Bangkok, Thailand. Dalam ucapannya, Presiden OCA mengucapkan tahniah kepada Persekutuan Sukan Asia Tenggara di atas kemajuan dan kejayaan sejak penubuhannya pada 1959, iaitu 50 tahun yang lalu. Beliau menambah bahawa Persekutuan Sukan Asia Tenggara dan Sukan SEA telah dan masih melahirkan jaguh dan pemimpin sukan hasil Sukan SEA, OCA telah menggalakkan 4 ratau lain lagi di Asia untuk mengelolakan Sukan serantau masing-masing, selaris dengan Sukan SEA. Kini, keempat-empat rantau yang berkenaan telah mempunyai sukan serantau masing-masing iaitu Sukan Asia Timur, Sukan Asia Selatan, Sukan Asia Barat dan Sukan Asia Tengah. Dato' Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat MOM telah menghadiri Majlis Pembukaan tersebut.

Cik Low Beng Choo telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kerja untuk Pejabat Penyelarasan Persekutuan Sukan Asia Tenggara. Beliau telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kerja di Bangkok pada 8hb April 2010 dan 21hb Mei 2010.

10.3 **Mesyuarat Persekutuan Sukan Asia Tenggara 2010 (SEAGF)**

Bagi Sesi 2010-2011, Persekutuan Sukan Asia Tenggara telah mengadakan mesyuaratnya pada 29hb dan 30hb Mei 2010 di Jakarta. Berikut adalah individu yang telah menghadiri mesyuarat tersebut:-

- YBhg. Dato' Dr. S.S. Cheema menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Perubatan pada 29hb Mei 2010.
- Cik Low Beng Choo menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Sukan dan Undang-Undang pada 29hb Mei 2010, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Mesyuarat Majlis pada 30hb Mei 2010.
- YBhg. Dato' A. Sani Karim dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Sukan dan Undang-Undang pada 29hb Mei 2010 dan Mesyuarat Majlis pada 30hb Mei 2010.

Pada Mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara yang diadakan pada 30hb Mei 2010, beberapa perkara penting berikut telah diputuskan:-

- Tuan Rumah Sukan SEA Ke-26 tahun 2011 iaitu NOC Indonesia telah mencadangkan untuk mengajukkannya di empat Bandar iaitu Jakarta, Bandung, Semarang dan Palembang. Majlis merayu agar bilangan venue dapat dikurangkan daripada 4 ke 2.
- Upacara Pembukaan akan diadakan pada 11hb November 2011.
- Meluluskan NOC Myanmar sebagai tuan rumah Sukan SEA Ke-27 tahun 2013 di ibu negara baru Bandar Nay Pyi Taw.
- Mengesahkan tindakan keatas atlet-atlet yang gagal dalam ujian anti-doping di Sukan SEA Ke-24 di Korat 2009 seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Perubatan Sukan SEA.

11. **PROGRAM PERPADUAN OLIMPIK**

11.1 **Kursus Pengurusan Sukan Lanjutan (ASMC)**

MOM meneruskan pengelolaan Kursus Pengurusan Sukan Lanjutan (ASMC) Kedua tahun 2009 untuk semua ahli gabungan MOM. Sesi ketiga telah diadakan mulai 20hb hingga 23hb Ogos 2009 dan Sesi Keempat telah diadakan mulai 22hb hingga 25hb Oktober 2009. Dengan tamatnya Sesi Keempat Kursus Pengurusan Sukan Lanjutan Kedua, 13 peserta telah menyempurnakan Kursus Kedua.

Sesi pertama untuk Kursus Pengurusan Sukan Lanjutan Ketiga telah dikelolakan mulai 25hb hingga 28hb Februari 2010 dengan 22 orang peserta. Sesi Kedua pula telah diadakan mulai 6hb hingga 9hb Mei 2010. Namun demikian, berikutan sebab-sebab tertentu, 8 daripada 22 peserta telah mengundurkan diri dan tinggal 14 yang meneruskan kursus. Sesi ketiga dan keempat akan diadakan dalam bulan Ogos dan Oktober 2010. ASMC dikelolakan oleh Akedemi Olimpik Kebangsaan (NOA).

11.2 **Kursus Latihan untuk Pelatih (TROT)**

Kursus TROT telah dikelolakan oleh NOA Malaysia dan dikendalikan oleh fasilitator yang berpengalaman dalam Latihan Pengurusan Sukan mulai 9hb hingga 11hb Oktober 2009. Latihan dalam tiga hari tersebut meliputi perbincangan, kerja kumpula dan sebagainya. Para peserta telah menimba pengetahuan dan kemahiran melatih. Aktiviti pembelajaran telah focus dalam aspek berikut:

- Kumpulan Dinamik.
- Perbezaan antara Latihan/Pengajaran/Pendidikan; Androgogy/Pedgogy/Heutagogy.
- Kemahiran Melatih & Perwatakan Pelatih.
- Methodologi Latihan & Teknologi Latihan.
- Etika & Kurikulum Kursus Asas Pentadbir Sukan (BSAC).
- Peranan dan Tanggungjawab Fasilitator.
- Pedagogi Latihan.
- Penilaian Latihan.
- Pengurusan BSAC.

Sepuluh peserta telah dilengkapi dengan kemahiran sebagai pelatih. Pengetahuan baru telah diperoleh, tanggapan salah telah diperbetulkan, kemahiran baru dan lama telah dipertingkatkan. Pengalaman-pengalaman ini telah mencetuskan minat, kesungguhan dan keyakinan mereka untuk menjadi fasilitator bagi Kursus Asas Pentadbiran Sukan Perpaduan Olimpik.

11.3 **Kursus Asas Pentadbir Sukan 2010**

Kursus Asas Pentadbir Sukan (BSAC) telah berjaya dikelolakan mulai 25hb hingga 28hb Mac 2010 di Kelab Rekreasi Ulu Klang (UKRC). Seramai 23 pegawai sukan telah menghadiri Kursus Asas ini. Daripada 23 peserta yang hadir hanya 5 peserta mewakili persatuan sukan negeri dan kebangsaan. Maklumbalas yang diterima daripada para peserta adalah bahawa kursus ini berfaedah, menarik, berinformasi dan mereka berjanji untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari daripada Kursus tersebut.

11.4 **Biasiswa Olimpik untuk Jurulatih**

Encik Thevaraj Kasivisvanathan telah menghadiri Kursus Kejurulatihan Antarabangsa dalam Judo di Semmelweis University di bawah Biasiswa Olimpik untuk Jurulatih mulai 16hb September hingga 9hb Disember 2009. Encik Thevaraj pernah mewakili Malaysia dalam sukan Judo di Sukan SEA dan merupakan jurulatih kebangsaan bagi Persekutuan Judo Malaysia.

Encik Muhammad Marbawi telah menghadiri kursus khas dalam memanah di Pusat Memanah Timur Tengah (MEAC) FITA di Cairo, Egypt mulai 23hb November hingga 20hb Disember 2009. Encik Muhammad Marbawai adalah bekas atlet kebangsaan yang mewakili Malaysia di Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

11.5 **Kursus Teknikal untuk Jurulatih Perpaduan Olimpik 2009/2010**

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Bola Baling (Tahap 3)

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Bola Baling (Tahap 3) telah berjaya dikelolakan oleh Persekutuan Bola Baling Malaysia (MHF) mulai 21hb hingga 26hb November 2009 di Wisma OCM. Kursus telah dikendalikan oleh Encik Effat Rashad dari Cairo, Egypt yang merupakan seorang pakar yang ditugaskan oleh Persekutuan Bola Baling Antarabangsa (IHF). Beliau telah dibantu oleh pakar tempatan Encik Ng Num Thiam. Seramai 23 orang jurulatih termasuk 3 orang jurulatih wanita telah mengikuti kursus tersebut.

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Olahraga (Tahap 2)

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Olahraga (Tahap 2) telah berjaya dikelolakan di Stadium Paroi, Seremban mulai 18hb hingga 31hb Disember 2009. Kursus ini telah dikendalikan oleh Encik Ria Lumintuarso, (Pegawai IAAF RDC, Jakarta) yang merupakan seorang pakar yang ditugaskan oleh Persekutuan Persatuan Olahraga Antarabangsa. Beliau telah dibantu oleh pakar tempatan, Encik Anbarasu Subramaniam. Seramai 23 orang jurulatih termasuk 7 orang jurulatih wanita telah mengikuti kursus tersebut.

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Judo (Tahap 2)

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Judo (Tahap 2) dengan penekanan dalam aspek Kata, telah berjaya dikelolakan oleh Persekutuan Judo Malaysia (MJF) mulai 4hb hingga 8hb April 2010 di Wisma OCM. Penasihat MJF, Dato' Eiro Sakamoto, Timbalan Presiden MJF, Ir. Walter Lee dan Ex-Officio MJF, Encik Johnny Khoo telah membentuk satu jawatankuasa pengelola. Kursus ini telah dikendalikan oleh Encik Koji Komata seorang pakar yang ditugaskan oleh Persekutuan Judo Antarabangsa (IJF). Beliau telah dibantu oleh pakar tempatan, Encik Thevaraj Kasivisvanathan, yang telah mengikuti Kursus Kejurulatihan Antarabangsa di Semmelweis University di bawah Biasiswa Olimpik untuk Jurulatih dalam tahun 2009. Seramai 21 orang jurulatih yang terdiri daripada 15 lelaki dan 5 wanita telah mengikuti Kursus tersebut. Kesemua peserta menunjukkan semangat yang kuat dan minat yang mendalam untuk mempertingkatkan kemahiran kejurulatihan masing-masing dalam Judo.

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Gimnastik Artistik Wanita

Kursus Teknikal untuk Jurulatih Gimnastik Artistik Wanita telah diadakan mulai 4hb hingga 9hb Mei 2009. Pakar yang mengendalikan kursus ini adalah Encik Pedro Roque dari Portugal. Kesemua peserta menginap di Hotel Sports Olympic manakala sesi teori dan praktikal dijalankan di Gimnasium Majlis Sukan Negara iaitu lebih kurang 15 km dari Hotel. Pengangkutan tempatan telah disediakan oleh Majlis Olimpik Malaysia tanpa sebarang bayaran. 12 jurulatih lelaki dan 10 wanita telah mengikuti kursus tersebut.

Dukacitanya pada 5hb Mei, Encik Pedro Roque mengalami kecederaan di bahagian tendon myotendinous dan terpaksa pulang pada 7hb Mei 2010 jam 10.00 pagi. Perpaduan Olimpik dan Persekutuan Gimnastik Antarabangsa telah memberi kebenaran untuk menyambung kursus tersebut dengan pakar tempatan. Cadangan Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) bagi membolehkan Encik Pavel Todorov, jurulatih Bulgaria yang berkhidmat untuk MGF dan Puan Soo Seck Foong untuk meneruskan kursus telah diluluskan.

12. **PENYERTAAN DI SUKAN ANTARABANGSA**

12.1 **Sukan Asia Remaja Pertama 2009**

Sukan Asia Remaja Pertama telah berjaya dikelolakan di Singapura mulai 29hb Jun hingga 7hb Julai 2009. Berikutan pembatasan perjalanan akibat wabak H1N1, Malaysia telah membataskan penyertaan dengan hanya menyertai 2 jenis sukan iaitu Bolasepak dan Pelayaran. Walaubagaimana pun pasukan bolasepak tidak layak ke pusingan kedua dan telah kembali ke Malaysia sebelum Sukan Asia Remaja Pertama bermula. Dua atlet Pelayaran iaitu Muhamad Amirul Shafiq Md. Jais dan Khairunneeta Mohd Afendy yang telah berada di Singapura untuk latihan pra-Sukan, kekal di Singapura untuk mengambil bahagian dalam acara Byte CII untuk lelaki dan perempuan bawah 14 tahun. Muhamad Amirul Shafiq Md. Jais telah memenangi pingat gangsa dalam acara Byte CII Lelaki sementara Khairunneeta Mohd Afendy tamat ditempat keempat dalam acara Byte CII perempuan. Chef de Mission untuk temasya ini adalah Puan Marina Chin, Pengetua Sekolah Sukan Bukit Jalil, beliau tidak menghadiri temasya ini disebabkan pengunduran Kontinjen Malaysia.

12.2 **Sukan Dunia Ke-8 Kaohsiung 2009**

Malaysia telah mengambil bahagian dalam Sukan Dunia Ke-8 2009 yang diadakan di Kaohsiung mulai 16hb hingga 26hb Julai 2009 dalam Tenpin Boling, DanceSport, Karate, Squash dan Wushu. Malaysia telah memenangi pingat dalam acara berikut:-

- Squash telah memenangi pingat emas dalam acara Perseorangan Wanita melalui YBhg. Dato' Nicol Ann dan pingat gangsa dalam acara Perseorangan Lelaki.
- Tenpin Boling telah memenangi 2 pingat gangsa.
- Wushu telah memenangi 2 pingat gangsa.

12.3 **Sukan Asia Seni Mempertahankan Diri Pertama 2009**

Kontinjen Malaysia yang mengandungi 7 atlet lelaki dan 6 wanita telah bertanding dalam Sukan Asia Seni Mempertahankan Diri Pertama di Bangkok mulai 1hb hingga 9hb Ogos 2009. Malaysia mengambil bahagian dalam 2 jenis sukan iaitu Pencak Silat dan Karate dengan 7 atlet lelaki dan 6 wanita serta 7 pegawai lelaki dan 3 pegawai wanita. Kontinjen Malaysia telah memenangi 2 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Chef de Mission untuk temasya ini adalah Encik Clement Soo, Setiausaha Kehormat Persekutuan Karate Malaysia.

12.4 **Sukan Asia Dalam Dewan Ke-3 2009**

Sukan Dalam Dewan Asia Ke-3 telah diadakan di Vietnam mulai 30hb Oktober hingga 8hb November 2009. Malaysia telah bertanding dalam 8 jenis sukan dan berjaya mencapai keputusan yang terbaik pernah dicapai dengan 3 pingat emas, 5 pingat perak dan 8 pingat gangsa untuk tamat ditempat ke-15 daripada 43 NOC dalam kedudukan pingat. Chef de Mission untuk temasya ini adalah Encik N. Shanmugarajah, Setiausaha Kehormat Persekutuan Gimnastik Malaysia.

12.5 **Sukan SEA Ke-25 2009**

Sukan SEA Ke-25 telah diadakan di Vientiane, Laos PDR mulai 9hb hingga 18hb Dsiember 2009. Malaysia telah bertanding dalam 21 daripada 25 jenis sukan yang terdapat dalam program dengan 197 atlet lelaki dan 151 atlet wanita, 154 pegawai lelaki dan 28 pegawai wanita. YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz, Ketua Pengarah, Institut Sukan Negara adalah Chef de Mission temasya ini.

Kontinjen telah memenangi 40 pingat emas, 40 pingat perak dan 59 pingat gangsa untuk menduduki tempat keempat dalam kedudukan pingat. Pencapaian cemerlang telah ditunjukkan oleh pasukan Bolasepak Lelaki Malaysia dengan memenangi pingat emas selepas 20 tahun dan Pasukan Badminton Wanita memenangi Acara Pasukan Wanita selepas 34 tahun. Daniel Bego telah terpilih sebagai Atlet Lelaki Terbaik Sukan SEA Ke-25 kerana memenangi lima pingat emas dan satu pingat gangsa. Peninju Muhamad Farkhan Hj. Mohd Haron (75kg) dan Mohd FAiruz Azwan Abdullah, turut cemerlang dengan memenangi pingat emas dalam kategori masing-masing, di Sukan SEA yang diadakan di luar Kuala Lumpur sejak Sukan SEA Bangkok tahun 1967.

Mesyuarat Chef de Mission untuk semua Kontinjen yang mengambil bahagian dalam Sukan SEA Ke-25, telah diadakan di Vientiane mulai 23hb hingga 25hb Oktober 2009. YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz dan Lt. Kol. (B) Wong Ah Jit telah menghadiri mesyuarat ini. Keseluruhannya penganjuran Sukan SEA Ke-25 ini dianggap cemerlang, memandangkan NOC Laos PDR telah menganjurkan Sukan SEA buat kali pertama.

13. **PROGRAM SUKAN UNTUK SEMUA 2009**

13.1 **Projek Lawatan Sambil Belajar untuk Pemimpin Belia Sukan Asia**

Projek Lawatan Sambil Belajar untuk Pemimpin Belia Sukan Asia di Jepun telah dikelolakan setiap tahunan oleh Japan Sports Association (JASA) dengan objektifnya untuk membantu dan mempropagandakan aktiviti-aktiviti sukan untuk belia di Asia. Cik Nur Asmara Diana Thong Abdullah daripada Persatuan Ping Pong Malaysia dan Cik Chee Ee Laine daripada Persekutuan Hoki Ais Malaysia telah menghadiri Projek Lawatan Sambil Belajar untuk Pemimpin Belia Sukan Asia di Jepun mulai 4hb hingga 11hb November 2009.

14. **HOTEL OLYMPIC**

Pengubahsuaian dan menaiktaraf kawasan hadapan kaunter pertanyaan Hotel telah siap pada penghujung 2009. Penggantian dan menaiktaraf 3 lif di Fasa I, Wisma OCM kini dalam proses. Majlis Olimpik Asia telah memperuntukkan geran sebanyak US\$100,000/= di bawah Program Oympiasia.

15. PENYERTAAN DALAM ACARA ANTARABANGSA

15.1 **Kongres Olimpian Asia – Oceania Seoul 2009**

Encik Ow Soon Kooi mewakili Persatuan Olimpian Malaysia telah menghadiri Kongres Olimpian Asia – Oceania Seoul 2009 yang telah diadakan di Olympic Parktel, Seoul pada 28hb dan 29hb Ogos 2009. Encik Ow pernah mengambil bahagian dalam Hoki di Sukan Olimpik Montreal 1976 dan Sukan Olimpik Los Angeles 1984.

15.2 **Forum Antarabangsa – Kearah Sukan Asia Incheon 2014 yang lebih baik**

Jawatankuasa Pengelola Sukan Asia Incheon (IAGOC) telah menganjurkan Forum Antarabangsa dengan Tema “Kearah Sukan Asia Incheon 2014 yang lebih baik” pada 26hb September 2009 di Hotel Sheraton Incheon, Korea. Dato’ Sieh Kok Chi telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Meningkatkan Nilai Sukan Asia 2014”, dan diikuti dengan panel perbincangan berkaitan kertas tersebut.

15.3 **Program Impian 2010**

Program Impian merupakan program tahunan sukan musim sejuk yang dianjurkan di PyeongChang, Gangwon Provision, Korea, untuk memberi pengalaman kepada atlet muda di negara yang tidak mempunyai musim sejuk. Program ini adalah komitmen yang dijanjikan kepada IOC tahun 2004 bersempena dengan bidaan PyeongChang untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik dan Paralimpik Musim Sejuk. Sehingga penghujung 2009, seramai 806 belia dari 42 buah negara telah menghadiri Program ini. Program Impian 2010 telah dikelolakan mulai 21hb hingga 30hb Januari 2010. Tiga peserta berikut dari Malaysia telah menghadiri Program ini-

- Encik Aizarudin Idrus (Jurulatih)
- Encik Ryan Yee Zhi Jwen (Atlet Figure Skating)
- Encik Nurul Badrul Arie Versluis (Atlet Hoki Ais)
- Encik Lim Hong Cheong (Atlet Hoki Ais)

15.4 **Forum Kearah Masa Depan Jurulatih Sukan Asia**

Tiga orang jurulatih berikut di bawah telah menghadiri Forum Kearah Masa Depan Jurulatih Sukan Asia pada 16hb dan 17hb Mac 2010 di Tokyo, Jepun:-

- Cik May Tan Seok Khoon daripada Persatuan Renang Amatur Malaysia
- Encik P. Thiagu daripada Persekutuan Karate Malaysia
- Cik Ngiu Sok Hua daripada Persekutuan Gimnastik Malaysia

Seramai 61 peserta dari 15 buah negara termasuk Jepun telah menghadiri Forum tersebut yang ditaja sepenuhnya oleh jawatankuasa pengelola dan telah diberi taraf 4 bintang oleh para peserta.

16. PELAWAT-PELAWAT KE MOM

16.1 **Upacara Penyerahan Jalur Gemilang kepada Chef de Mission Majlis Sukan Korea di Malaysia ke Sukan Kebangsaan Korea 2009**

Pada 13hb Oktober 2009, YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja’afar telah menyerahkan Jalur Gemilang kepada Chef de Mission Pasukan Korea di Malaysia, yang mengambil bahagian dalam Sukan Kebangsaan Korea dalam bulan Oktober 2009. Pasukan Korea di Malaysia akan mengambil bahagian dalam Golf Lelaki dan Ping Pong. TYT Encik Yang Bong-ryull, Duta Besar Republik Korea di Malaysia, pegawai-pegawai Majlis Sukan Korea di Malaysia dan atlet-atlet telah turut hadir dalam Upacara Penyerahan Jalur Gemilang.

16.2 **Lawatan oleh Encik Ricardo Probert, Chef de Mission Pasukan Sukan Olimpik Remaja Mexico**

Encik Ricardo Probert, Chef de Mission Pasukan Sukan Olimpik Remaja Mexico telah melawat ke Majlis Olimpik Malaysia (MOM) pada 25hb dan 26hb Mac 2010. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk menguruskan para atlet dan pegawai kontinjen Sukan Olimpik Remaja Mexico untuk menginap di Kuala Lumpur mulai 5hb hingga 10hb Ogos 2010 untuk berehat dan menjalani latihan sebelum menyambung perjalanan ke Singapura.

17. PERLANTIKAN

YBhg. Prof. Dato’ Ar. W.Y. Chin telah dilantik sebagai ahli Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan mulai 1hb Januari 2009 hingga 31hb Disember 2010 dan ahli Panel Penasihat Sukan oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

Cik Low Beng Choo telah dipilih sebagai Setiausaha Agung Persekutuan Sofbol Antarabangsa bagi sesi 2009/2012. Beliau dilantik semula sebagai ahli Suruhanjaya Wanita dan Sukan IOC bagi sesi 2010/2011. Beliau turut memegang jawatan Naib Pengerusi Badan Penasihat Sukan Komanwel (CABOS) dan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal SUKMA XIII, 2010. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengurusan Majlis Sukan Negara, ahli Panel Penasihat Sukan dan ahli Jawatankuasa Anugerah Sukan Negara. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Pejabat Persekutuan Sukan Asia Tenggara.

18. **PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN**

Semasa Mesyuarat Agung Dwi-tahunan Persekutuan Petanque Malaysia yang diadakan pada 31hb Julai 2009, YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam telah dipilih sebagai Presiden dan Encik Sha'ari bin Samsudin telah dipilih sebagai Setiausaha Kehormat.

Kongres Tenpin Boling Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya di Hotel Sunway Resort, Bandar Sunway pada 27hb September 2009. YBhg. Dato' Dr. P.S. Nathan dipilih sebagai Presiden tanpa bertanding untuk tempoh tiga tahun iaitu 2010-2012. Encik Sidney Tung telah dilantik semula sebagai Setiausaha Agung dan YBhg. Tan Sri Mohammad Noor Abdul Rahim telah dipilih sebagai Timbalan Presiden yang baru. Encik George Heng telah dipilih sebagai Naib Presiden Senior iaitu satu jawatan yang baru diwujudkan, sementara 5 Naib Presiden adalah YBhg. Dato' Badruddin Ahmad, Encik Cheah Ban Cheng, Encik Kenny Yap, Encik Maradona Chok dan Encik Salim Muda telah dipilih bagi mewakili 5 zon yang berbeza.

Semasa Mesyuarat Agung Tahunan Persekutuan Karate Malaysia pada 29hb November 2009, Pemegang Jawatan berikut telah dipilih: Presiden YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Timbalan Presiden (1) YBhg. Datuk Hj. Noor Nordin bin Abdullah, Timbalan Presiden (2) YBhg. Dato' Wira Muhammad Sabtu bin Osman, Setiausaha Agung Encik Clement Soo dan Bendahari Kehormat Encik Teo Kok Seng.

Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) telah diadakan pada 19hb Disember 2009 di Olympic Sports Hotel. Berikut adalah individu yang dipilih semula untuk sesi 2009/2011: Presiden YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad, Timbalan Presiden Tuan Haji A. Razak bin Mat Amin, Setiausaha Kehormat Encik N. Shanmugarajah, Bendahari Kehormat Puan Hajah Azizah binti Juno.

Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia telah diadakan pada 29hb Disember 2009. YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam telah dipilih sebagai Presiden dan Tuan Haji Megat Zulkarnain Dato' Haji Omar Din telah dipilih semula sebagai Setiausaha Agung.

YBhg. Dato' Tang See Hang, Encik Chan Foong Keong dan Encik Han Kee Juan masing-masing telah dipilih semula sebagai Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat dan Cik Christina Chee Shin Lian telah dipilih sebagai Penolong Setiausaha Kehormat semasa Mesyuarat Agung Tahunan 2010 Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM) pada 17hb April 2010 untuk sesi 2010/2011.

Semasa Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Sofbol Malaysia yang diadakan pada 17hb April 2010, Pemegang Jawatan utama berikut telah dipilih untuk Sesi 2010-2014: Presiden - Cik Low Beng Choo, Timbalan Presiden - Encik See Kok Wooi, Setiausaha Kehormat - Puan Sally Lim Swee Gaik dan Bendahari Kehormat - Encik Ngiow Woei Leong.

Semasa Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Bola Keranjang Malaysia yang diadakan pada 23hb Mei 2010, Pemegang Jawatan utama berikut telah dipilih: Presiden - YB Dato' Seri Tiong King Sing, Timbalan Presiden - Encik Tan Kang Yong JP, Setiausaha Agung - Encik Sim Sin Heng, Pen. Setiausaha Agung - Lt. Kol. (B) Lim Chui Deng, Bendahari - Encik Looi Seng Loong dan Pen. Bendahari - Encik Lim Wah Fatt.

Semasa Mesyuarat Agung Tahunan Kesatuan Ragbi Malaysia pada 30hb Mei 2010, Pemegang Jawatan utama berikut telah dipilih untuk sesi 2010-2013: Presiden - YBhg. Dato' Wira Amiruddin Embi, Timbalan Presiden - YBhg. Dato' Sharifuddin Abd. Ghani, Setiausaha Agung - Encik Nabil bi Haji Ahmad Marzuki.

19. **ANUGERAH SUKAN NEGARA TAHUN 2009**

Anugerah Sukan Negara untuk Tahun 2009 telah diadakan pada 25hb April 2010 di Grand Ballroom, Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Tetamu Kehormat adalah SPB Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin. Berikut adalah senarai penerima Anugerah pada malam tersebut:

- Olahragawan Kebangsaan – Encik Mohd Azizulhasni Awang (Berbasikal Trek. Memenangi pingat perak dalam 200m Pecut semasa Kejohanan Dunia di Poland dalam bulan Mac 2009 dan gelaran keseluruhan Piala Dunia dalam acara Keirin tahun 2009)
- Olahragawati Kebangsaan – YBhg. Dato' Nicol Ann David (Juara Squash Wanita Dunia 2009)

- Pasukan Lelaki Kebangsaan – Pasukan Bolasepak Kebangsaan yang memenangi pingat emas di Sukan SEA Ke-25 2009 yang diadakan di Vientiane, Laos selepas 20 tahun.
- Pasukan Wanita Kebangsaan – Cik Leong Mun Yee dan Cik Pandelega Rinong yang memenangi pingat gangsa dalam acara 10m Terjun Papan Anjal Berirama di Kejohanan Dunia di Rome tahun 2009.
- Jurulatih Kebangsaan Lelaki – Encik K. Rajagopal Jurulatih Bolasepak Kebangsaan atas kejayaan Pasukan Bolasepak Kebangsaan di Sukan SEA Ke-25 dan Encik Young Thong Foong, Jurulatih Wushu Kebangsaan yang melatih atlet Wushu.
- Jurulatih Kebangsaan Wanita – Tiada pemenang
- Anugerah Kepimpinan Sukan – Mendiang Edmund Yong, yang pernah mewakili Malaysia dalam sukan Golf, Menembak Skeet (Pemenang pingat Gangsa dalam acara Menembak Skeet Pasukan di Sukan Asia Tehran 1974) dan Tennis.
- Anugerah Khas – Dr. T.Ponniyah telah dianugerahkan Anugerah Khas di atas usaha beliau dalam pembangunan Karate di Malaysia sejak 20 tahun yang lalu.
- Olahragawan Kebangsaan Atlet Kurang Upaya – Mohd Salam Sidik (Memanah)
- Olahragawati Kebangsaan Atlet Kurang Upaya – Norhayati Sanoh (Boling Padang)

20. PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN SERTA ANUGERAH UNTUK INDIVIDU

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibn Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 5hb Jun 2010, individu berikut telah dikurniakan Darjah Kebesaran atas perkhidmatan dan sumbangan mereka kepada pembangunan sukan di Malaysia:-

- YBhg. Tan Sri Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia – Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran ‘Tan Sri’.
- Cik Moira Tan Siew See, Penolong Setiausaha Kehormat MOM – Ahli Mangku Negara (AMN)
- Encik Cheong Wing Kwang, Ketua Pegawai Pembangunan, Persekutuan Wushu Malaysia – Ahli Mangku Negara (AMN)
- Puan Zaiton binti Daud, Pegawai Teknikal Olahraga, Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (MAAU) – Ahli Mangku Negara
- Encik Roswadi bin Abdul Rashid, Naib Presiden, Persatuan Angkat Berat Kuala Lumpur – Ahli Mangku Negara (AMN)

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Rasmi, Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Azlan Shah yang ke-82 pada 19hb April 2010, individu berikut telah dikurniakan Darjah Dato’ Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato’, sebagai menghargai khidmat bakti mereka kepada sukan:-

- YBhg. Dato’ Che Zolkples Embong – Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara Malaysia
- YBhg. Dato’ M. Karathu – bekas pemain Bolasepak kebangsaan dan jurulatih kebangsaan
- YBhg. Dato’ Asir Victor – bekas atlet kebangsaan yang pernah mengambil bahagian dalam sukan olahraga di Sukan Olimpik Tokyo 1964 dan ahli pasukan 4 x 400m berganti-ganti yang memenangi pingat perak di Sukan Asia Bangkok 1966.

Bekas juara berbasikal kebangsaan dan Pemenang Pingat Emas Sukan Asia 1966, Encik Ng Joo Ngan telah dikurniakan Darjah Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran ‘Datuk’ oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu’adzam Shah sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari 2010. Beberapa orang pegawai daripada Persatuan Sukan Kebangsaan turut dianugerahkan pingat:-

- Encik Francis Yong daripada Bina Badan, Ahli Mahkota Wilayah (AMW)
- Encik Vincent Ho daripada Bina Badan, Pingat Pangkuan Wilayah (PPW)
- Puan Vasantha Marial Anthony daripada Karate, Ahli Mahkota Wilayah (AMW)
- Puan Yamini Gopalasamy daripada Karate, Ahli Mahkota Wilayah (AMW)
- Puan Vathana Gopalasamy daripada Karate, Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)
- Puan Komathi Subramaniam daripada Karate, Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)
- Cik Winnie Chin daripada Wushu, Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)

YBhg. Datuk Balwant Singh Kler telah dikurniakan Anugerah Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran ‘Datuk’. Anugerah tersebut telah diumumkan pada 24hb Oktober 2009. Anugerah tersebut adalah atas dedikasi dan kerja keras YBhg. Datuk Balwant Singh Kler yang masih lagi menyumbang kearah pembangunan sukan, kebudayaan dan pelancongan di Sabah dan Malaysia. Beliau pernah aktif sebagai pegawai Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia dan merupakan bekas Setiausaha Kehormat Persatuan Triathlon Malaysia dan juga Pegawai Teknikal Antarabangsa Triathlon.

YBhg. Dato' Abdullah Sani Karim, Presiden Persekutuan Squash Asia dan Persatuan Squash Malaysia dan juga Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia, atas pengurniaan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) bersempena sambutan hari Keputeraan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas yang ke-71, Yangdi-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 12hb Julai 2009. Anugerah tersebut membawa gelaran Dato'.

Pegawai sukan berikut telah dikurniakan anugerah bersempena dengan Hari Keputeraan DYMM Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah yang ke-79, pada 24hb Oktober 2009:-

- YB Dato' Seri Peter Chin Fah Kui, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air juga Penaung Persatuan Lumba Jalan Kaki Malaysia, yang dikurniakan Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato' Seri.
- YBhg. Dato' Seri Redzuan Tan Sri Sheikh Ahmad, Timbalan Presiden, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang dikurniakan Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato'.
- YBhg. Datuk Azzuddin Ahmad, Setiausaha Agung, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang dikurniakan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang membawa gelaran Dato'.
- YBhg. Dato' Abdul Malek Md Noor, Mr. Asia mulai 1985 hingga 1988 dan 1990, 1991 dan Pemenang Pingat Perak Sukan SEA 1989 dalam acara Bina Badan, yang dikurniakan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato'.

Encik Chua Hong Tam telah dianugerahkan Anugerah Kepimpinan Sukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia pada 30hb Oktober 2009. Encik Chua bersara daripada Kementerian Pelajaran pada 7hb Mac 2006 sebagai Pengarah Pengurusan Sukan, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Selepas bersara, beliau telah menyertai Majlis Olimpik Malaysia pada 7hb Mei 2006 sebagai pegawai sukarela.

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 6hb Jun 2009, individu berikut telah dikurniakan Darjah Kebesaran bagi menghargai sumbangan mereka terhadap pembangunan sukan di Malaysia:-

- YBhg. Tan Sri Ong Ka Ting, bekas Presiden Persatuan Bola Tampar Malaysia (1998 hingga 2002) telah dikurniakan Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran 'Tan Sri'.
- YBhg. Tan Sri Dato' Ta Kin Yan, Pengerusi Kumpulan Waz Lian Enterprise Sdn Bhd dan YBhg. Tan Sri Dato' Gurdial Singh Gill telah dikurniakan Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran 'Tan Sri'.
- YBhg. Datuk Abdul Ghani Minhat, 'Raja Bola' Malaysia dan bekas bintang Bolasepak Kebangsaan telah dikurniakan Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran 'Datuk'.
- YBhg. Dato' Lee Chong Wei, Pemenang Pingat Perak Badminton Sukan Olimpik Beijing 2008 dikurniakan Darjah Bakti (DB).

21. **BERITA KEMATIAN**

MOM dengan dukacitanya melaporkan berita kematian mendiang Encik Sum Kwok Seng yang meninggal dunia pada 30hb Mei 2009 pada usia 84 tahun. Beliau merupakan Ahli Majlis Olimpik Persekutuan Malaya (FMOC), mewakili MAWF mulsi Februari 1957 hingga 30hb Oktober 1959, sehingga beliau dipilih sebagai Bendahari Kehormat FMOC. Beliau menjawat Bendahari Kehormat hanya untuk satu penggal sehingga 30hb Oktober 1961. Mulai 9hb November 1974 sehingga 4hb Disember 1994, mendiang Encik Sum Kwok Seng adalah Penolong Bendahari Kehormat MOM.

Mendiang Encik Sum Kwok Seng merupakan Chef de Mission Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel British Ke-9 yang diadakan di Edinbrough tahun 1970. Beliau juga merupakan Pengurus Pasukan Angkat Berat Malaysia di Sukan Asia 1974 di Teheran dan Jurulatih pasukan Angkat Berat Malaysia di Sukan SEAP Ke-4 di Bangkok tahun 1967.

Mendiang Encik Sum Kwok Seng adalah salah seorang ahli pengasas Persekutuan Sukan Semenanjung Asia Tenggara tahun 1959. Beliau dan mendiang Encik Thong Poh Nyen (Setiausaha Kehormat) adalah dua orang wakil FMOC yang menghadiri mesyuarat penubuhan Persekutuan Sukan Semenanjung Asia Tenggara di Bangkok pada 25hb dan 26hb Jun 1959.

MOM merakamkan takziah kepada keluarga Allahyarham Encik Alwi Ahmad yang telah meninggal dunia pada 7hb Februari 2010 pada usia 76 tahun. Allahyarham Encik Alwi Ahmad adalah bekas jurulatih Basikal kebangsaan yang telah menghasilkan banyak pelumba kebangsaan termasuk anaknya yang terkenal, Rosman Alwi semenjak menjadi jurulatih dalam tahun 1977.


MOM merakamkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Mohamed bin Rahmat, bekas Menteri Penerangan mulai 1978 hingga 1982 dan 1987 hingga 1999 dan Naib Presiden MOM mulai Jun 1978 hingga Jun 1982. Allahyarham Tan Sri Mohamed bin Rahmat meninggal dunia pada pagi 11hb Januari 2010. Beliau berumur 71 tahun. Allahyarham Tan Sri Mohamed bin Rahmat adalah Chef de Mission Kontinjen Malaysia ke Sukan Asia di Bangkok tahun 1978, Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun 1977, Sukan SEA di Jakarta tahun 1979 dan Sukan SEA di Manila tahun 1981. Beliau turut berkhidmat sebagai Duta Malaysia ke Indonesia mulai 1982 hingga 1987.

MOM juga merakamkan takziah kepada keluarga mendiang Encik Chok Lee Huat yang meninggal dunia baru-baru ini pada usia 83 tahun. Mendiang Chok Lee Huat berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Menembak Selangor dan sebagai pegawai teknikal antarabangsa dalam acara pistol dan rifle serta sebagai pegawai pasukan Menembak Kebangsaan ke kejohanan menembak luar negara untuk beberapa tahun.

22. PENGHARGAAN

Presiden dan Ahli-ahli MOM ingin merakamkan penghargaan mereka kepada:-

- Kerajaan Malaysia atas sokongan dan bantuan kewangan yang telah diberikan
- YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia
- YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Malaysia
- YB Dato' Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan Malaysia
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia
- Panel Penasihat Sukan Malaysia
- Majlis Sukan Negara Malaysia
- Institut Sukan Negara Malaysia
- Pesuruhjaya Sukan Malaysia
- Datuk Bandar Kuala Lumpur
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa dan Perpaduan Olimpik
- Persatuan Jawatankuasa-Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan
- Majlis Olimpik Asia
- Persekutuan Sukan Komanwel
- Persekutuan Sukan Asia Tenggara
- Penaja-Penaja dan Rakan Korporat MOM
- Para penderma MOM
- Olympic Sports Hotel, Kuala Lumpur
- Pihak Media Cetak dan Elektronik
- Ahli-ahli Majlis, Lembaga Eksekutif dan Jawatankuasa-Jawatankuasa MOM atas segala bantuan dan sumbangan yang telah diberikan.
- Semua sukarelawan dan kakitangan MOM
- Kepada semua yang telah memberikan bantuan dan sokongan kepada MOM



(Dato' Sieh Kok Chi)
Setiausaha Kehormat
untuk dan bagi pihak
Lembaga Eksekutif dan Majlis
Majlis Olimpik Malaysia

15hb Jun 2010

ANNEX I (A)**ATTENDANCE AT OCM COUNCIL MEETINGS
FOR THE PERIOD 25TH JULY 2009 – 24TH APRIL 2010**

NO.	NAME	25.07.09	24.10.09	06.02.10	24.04.10
1.	YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar	P	P	P	P
2.	YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan	P	-	P	P
3.	YBhg. Prof. Dato' Ar. W. Y. Chin	P	P	P	P
4.	Cik. Low Beng Choo	P	-	P	P
5.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad	P	P	P	P
6.	YBhg. Dato' Roy Rajasingham	P	P	P	P
7.	Y.Bhg. Dato' A. Sani Karim	P	P	P	P
8.	YBhg. Dato' Sieh Kok Chi	P	P	P	P
9.	Cik Moira Tan Siew See	P	P	P	P
10.	Encik Ramlay Ibrahim	P	P	P	P
11.	YBhg. Dato' Seri Kee Yong Wee	P	-	-	P
12.	Encik Rosmanizam Abdullah	P	P	P	P
13.	Rep. Ministry of Youth & Sports	-	-	P	-
14.	Rep. National Sports Council	P	P	P	P
15.	Rep. National Sports Institute	P	P	P	P
16.	Rep. Sports, Arts & Co-Curriculum Division	P	-	P	P
17.	Rep. Athletes Commission	-	-	P	P
18.	National Olympic Academy	-	-	-	P

P - Present

**ATTENDANCE AT OCM COUNCIL MEETINGS
FOR THE PERIOD 25TH JULY 2009 – 24TH APRIL 2010**

NO.	SPORT	25.07.09	24.10.09	06.02.10	24.04.10
1.	Aikido	P	P	P	-
2.	Archery	-	-	-	-
3.	Athletics	P	P	-	P
4.	Badminton	P	P	P	-
5.	Baseball	P	P	-	A
6.	Basketball	P	-	P	P
7.	Body Building	-	-	-	-
8.	Boxing	-	-	-	P
9.	Canoeing	-	-	-	-
10.	Chess	-	-	-	P
11.	Cricket	P	P	-	P
12.	Cycling	P	P	P	-
13.	Dance Sport	-	-	-	P
14.	Dragon & Lion Dances	-	-	-	P
15.	Equestrian	-	-	P	P
16.	Extreme Sports	-	-	-	-
17.	Fencing	-	P	-	P
18.	Football	-	P	P	P
19.	Golf (Men)	-	P	P	P
20.	Golf (Ladies)	P	P	P	A
21.	Gymnastics	P	P	-	P
22.	Handball	P	P	-	P
23.	Hockey	P	-	-	-
24.	Ice Hockey	P	P	P	P
25.	Ice Skating	-	-	P	P
26.	Judo	-	P	-	-
27.	Kabaddi	P	-	-	-
28.	Karate	P	P	P	A
29.	Lawn Bowls	-	-	-	P
30.	Lawn Tennis	-	-	-	P
31.	Mountaineering	-	-	P	P
32.	Netball	P	-	P	P
33.	Petanque	-	-	P	-
34.	Polo	-	-	-	-
35.	Rugby	-	-	-	P
36.	Rowing	-	-	-	P
37.	Sepaktakraw	-	-	-	P
38.	Shooting	-	P	-	-
39.	Silambam	P	P	P	P
40.	Silat	-	-	-	-
41.	Snooker & Billiards	P	P	P	P
42.	Softball	P	-	P	P
43.	Squash	P	P	P	P
44.	Swimming	-	P	P	P
45.	Table Tennis	P	P	P	P
46.	Tenpin Bowling	P	P	P	P
47.	Volleyball	-	-	P	-
48.	Water Ski	P	-	P	P
49.	Weightlifting	-	-	-	P
50.	Woodball	-	-	-	-
51.	Wushu	P	P	P	P
52.	Yachting	-	-	-	-

P – Present

A – Absent With Apology

COMMITTEE OF OCM
2009-2011

EXECUTIVE BOARD

- | | | |
|-----|--|----------------------|
| 1. | YAM TUNKU TAN SRI IMRAN IBNI ALMARHUM TUANKU JA'AFAR | - CHAIRMAN |
| 2. | YBHG. DATUK DR.M. JEGATHESAN | - DEPUTY CHAIRMAN |
| 3. | YBHG. PROF. DATO' AR. W.Y. CHIN | - MEMBER |
| 4. | CIK LOW BENG CHOO | - MEMBER |
| 5. | YBHG. PROF. DATO' DR. ZAKARIA AHMAD | - MEMBER |
| 6. | YBHG. PROF. DATO' ROY RAJASINGHAM | - MEMBER |
| 7. | YBHG. DATO' A. SANI KARIM | - MEMBER |
| 8. | YBHG. DATO' SIEH KOK CHI | - SECRETARY |
| 9. | YBHG. DATO' SERI KEE YONG WEE | - MEMBER |
| 10. | CIK MOIRA TAN SIEW SEE | - MEMBER |
| 11. | ENCIK RAMLAY IBRAHIM | - MEMBER |
| 12. | ENCIK ROSMANIZAM ABDULLAH | - MEMBER |
| 13. | REP. MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS | - MEMBER |
| 14. | REP. NATIONAL SPORTS COUNCIL | - MEMBER |
| 15. | REP. NATIONAL SPORTS INSTITUTE | - MEMBER |
| 16. | REP. SPORTS, ARTS & CO-CURRICULUM DIVISION | - MEMBER |
| 17. | REP. ATHLETES COMMISSION | - MEMBER |
| 18. | DR. TAN SIEW ENG | - MEMBER |
| 19. | YBHG. DATUK SETIA RAJA, TAN SRI DATUK SERI,
HAMZAH HAJI ABU SAMAH | - HON.LIFE PRESIDENT |

SELECTION

- | | | |
|-----|---|----------------------|
| 1. | YAM TUNKU TAN SRI IMRAN IBNI ALMARHUM TUANKU JA'AFAR | - CHAIRMAN |
| 2. | YBHG. DATUK DR.M. JEGATHESAN | - DEPUTY CHAIRMAN |
| 3. | YBHG. PROF. DATO' AR. W.Y. CHIN | |
| 4. | CIK LOW BENG CHOO | |
| 5. | YBHG. PROF. DATO' DR. ZAKARIA AHMAD | |
| 6. | YBHG. PROF. DATO' ROY RAJASINGHAM | |
| 7. | YBHG. DATO' A. SANI KARIM | |
| 8. | YBHG. DATO' SIEH KOK CHI | - SECRETARY |
| 9. | YBHG. DATO' SERI KEE YONG WEE | |
| 10. | CIK MOIRA TAN SIEW SEE | |
| 11. | ENCIK RAMLAY IBRAHIM | |
| 12. | ENCIK ROSMANIZAM ABDULLAH | |
| 13. | REP. MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS | |
| 14. | REP. NATIONAL SPORTS COUNCIL | |
| 15. | REP. NATIONAL SPORTS INSTITUTE | |
| 16. | REP. SPORTS, ARTS & CO-CURRICULUM | |
| 17. | REP. ATHLETES COMMISSION | |
| 18. | DR. TAN SIEW ENG | |
| 19. | YBHG. DATUK SETIA RAJA, TAN SRI DATUK SERI
HAMZAH HAJI ABU SAMAH | - HON.LIFE PRESIDENT |

MANAGEMENT & LEGAL ADVISORY (Mediation/Arbitration/General Advisory)

MANAGEMENT

- | | | |
|-----|------------------------------|-------------|
| 1. | YBHG. DATO' ROY RAJASINGHAM | - CHAIRMAN |
| 2. | YBHG. DATO' SIEH KOK CHI | |
| 4. | ENCIK RAMLAY IBRAHIM | |
| 5. | ENCIK ROSMANIZAM ABDULLAH | |
| 6. | YBHG. DATIN ISHARIDAH ISHAK | |
| 7. | ENCIK S. JAHENDRAN | |
| 8. | ENCIK S. MUHENDRAN | |
| 9. | ENCIK THAVALINGAM THAVARAJAH | |
| 10. | ENCIK FONG WAN HOR | |
| 11. | CIK MOIRA TAN SIEW SEE | - SECRETARY |

MEDIATION

1. PUAN. GUNAVATHI
2. ENCIK. LEE SWEE SENG
3. YBHG. DATIN ISHARIDAH BT. TAN SRI ISHAK TADIN
4. ENCIK NG SENG KIOK
5. YBHG. TAN SRI CECIL ABRAHAM

ARBITRATION

1. ENCIK WILFRED ABRAHAM
2. YBHG. DATO' SERI W.S.W. DAVIDSON
3. ENCIK VINAYAK PRADHAN
4. YBHG. DATO' THOMAS LEE
5. ENCIK SUNDRA RAJOO

GENERAL ADVISORY

1. ENCIK FRANCIS PEREIRA
2. ENCIK S. MUHENDARAN
3. YBHG. DATUK N. CHANDRAN
4. ENCIK SEUMAS TAN
5. ENCIK MOHD FIRUZ BIN JAFFRIL

GENERAL PURPOSES

1. YBHG. PROF. DATO' AR. W.Y. CHIN - CHAIRMAN
2. Y.BHG. DATO' SIEH KOK CHI
3. ENCIK MOHAMED KADRI MOHAMED TAIB
5. ENCIK FONG WAN HOR

MEDICAL & ANTI-DOPING

1. YBHG. DATUK DR. M. JEGATHESAN - CHAIRMAN
2. YBHG. DATO' DR. RAMLAN ABD.AZIZ
3. DR. LIM HENG HONG
4. YBHG. DATO' DR. GURCHARAN SINGH
5. DR. RONNIE YEO NGO TEE
6. YBHG. DATO' DR. S. S. CHEEMA
7. DR. SEAN PAUL
8. DR. LIM WAI KONG
9. DR. J. S. DEO
10. DR. KANAGALINGAM
11. CIK LOW BENG CHOO
12. YBHG. DATO' ROY RAJASINGHAM

FINANCE & MARKETING

1. YBHG. DATO' SERI KEE YONG WEE - CHAIRMAN
2. ENCIK YONG CHOO KONG
3. ENCIK. TAN KIM HOR
4. ENCIK S. JAHENDRAN
5. YBHG. DATUK DR. M. JEGATHESAN - EX-OFFICIO
6. YBHG. DATO' SIEH KOK CHI - EX-OFFICIO
7. ENCIK ROSMANIZAM ABDULLAH - SECRETARY

WOMEN AND SPORT

1. CIK LOW BENG CHOO - CHAIRPERSON
2. ENCIK M. P. HARIDAS
3. ENCIK LESLIE ARMSTRONG
4. PUAN MARINA CHIN BHATT
5. PUAN ZAITON OTHMAN
6. PUAN SALLY LIM SWEE GAIK

MEDIA

1. YAM TUNKU TAN SRI IMRAN IBNI ALMARHUM TUANKU JA'AFAR - CHAIRMAN
2. YBHG. DATO' SIEH KOK CHI
3. ENCIK IBRAHIM ABU BAKAR
4. YBHG. DATO' ROY RAJASINGHAM

FACILITIES & MUSEUM

1. YBHG. DATO' A. SANI KARIM - CHAIRMAN
2. AR. HUANG YING HON
3. ENCIK SUNTHARA MOORTHY
4. ENCIK A. N. VISVALINGAM
5. YBHG. PROF. TAN SRI DATO' DR. KHOO KAY KIM
6. PROF. MADYA ZULKIFLI ABD. KADIR
7. DR. TENGKU FADILAH TENGKU KAMALDEN
8. YBHG. DATO' SIEH KOK CHI - EX-OFFICIO
9. ENCIK CHAN HING WAI - MAINTENANCE ADVISOR
10. ENCIK NORHASHIMI
11. ENCIK. MOHD DAMANHURI MOHD NASIR
12. ENCIK FONG WAN HOR

STRATEGIC PLANNING

1. YBHG. TAN SRI DATO' DR. M. JEGATHESAN - CHAIRMAN
2. YBHG. PROF. DATO' AR. W.Y. CHIN
3. CIK LOW BENG CHOO
4. YBHG. PROF. DATO' DR. ZAKARIA AHMAD
5. YBHG. DATO' ROY RAJASINGHAM
6. YBHG. DATO' SERI KEE YONG WEE
7. YBHG. DATO' SIEH KOK CHI

ATHLETES' COMMISSION

1. CIK PHAN SU MING - PRESIDENT
2. CIK CHEE EE LAINE - SECRETARY
3. DR. FARAH HANI IMRAN
4. CIK NURUL ELIA ANUAR
5. CIK AZIAN AHMAD
6. CIK LEONG MUN YEE
7. ENCIK YEOH KEN NEE

TAN SRI ALEX LEE ATHLETES' EDUCATION FUND

1. YBHG. DATO' THOMAS LEE - CHAIRMAN
2. YBHG. DATO' SIEH KOK CHI
3. YBHG. DATO' SERI KEE YONG WEE
4. ENCIK ANTONY LEE
5. ENCIK S. JAHENDRAN
6. ENCIK JOHN EU
7. ENCIK FONG WAN HOR

NATIONAL OLYMPIC ACADEMY

- | | | |
|----|--------------------------------------|------------|
| 1. | YBHG. PROF. DATO' DR. ZAKARIA AHMAD | - CHAIRMAN |
| 2. | YBHG. DATUK DR. PAUL CHAN | - MEMBER |
| 3. | YBHG. DATO' RADHA KRISHNAN | - MEMBER |
| 4. | YBHG. DATO' DR. RAMLAN ABD AZIZ | - MEMBER |
| 5. | YBHG. DATO' ASARIAH MIOR SHAHARUDDIN | - MEMBER |
| 6. | DR. TAN SIEW ENG | - DIRECTOR |

SPORTS GOODWILL AMBASSADORS

- | | | |
|-----|-----------------------------|----------------|
| 1. | YBHG. DATO' ROY RAJASINGHAM | - CHAIRMAN |
| 2. | PUAN ZAITON OTHMAN | - DY. CHAIRMAN |
| 3. | ENCIK SHAHARUDDIN JAAFAR | - SECRETARY |
| 4. | YBHG. DATO' POON FOOK LOKE | |
| 5. | ENCIK B. SATIANATHAN | |
| 6. | ENCIK J. B. KHOO | |
| 7. | ENCIK EDWIN NG | |
| 8. | PUAN MARINA CHIN | |
| 9. | ENCIK STEPHEN VAN HUIZEN | |
| 10. | DSP BAHWANDI HIRALAL | |
| 11. | ENCIK M. KUMARESAN | |

ANNEX II

**ATTENDANCE AT OCM EXECUTIVE BOARD MEETING
FOR THE PERIOD 14TH JULY 2010 – 11TH MAY 2009**

	NAME	14.7.09	11.8.09	8.9.09	13.10.09	10.11.09	1.12.09	12.1.10	2.2.10	16.3.10	13.4.10	11.5.10	15.6.10
1	YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	-
2	YBhg. Datuk Dr. M. Jegathesan	P	P	P	P	A	P	P	-	P	P	-	P
3	YBhg. Prof. Dato' Ar. W.Y. Chin	-	P	P	P	P	A	P	-	P	P	P	P
4	Cik Low Beng Choo	P	P	P	P	P	P	P	-	P	P	P	P
5	YBhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Ahmad	-	P	P	P	P	A	P	P	P	P	P	P
6	YBhg. Dato' Roy Rajasingham	P	P	P	P	P	P	P	P	-	-	P	P
7	YBhg. Dato' A. Sani Karim	P	P	P	P	P	A	P	P	-	P	P	P
8	YBhg. Dato' Sieh Kok Chi	p	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
9	Cik Moira Tan Siew See	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
10	Encik Ramlay Ibrahim	P	P	-	P	-	P	P	P	P	P	P	P
11	YBhg. Dato' Seri Kee Yong Wee	P	P	P	P	P	P	P	-	P	P	P	P
12	Encik Rosmanizam Abdullah	P	P	P	P	P	P	P	A	P	P	P	P
13	Rep. Ministry of Youth & Sports	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
14	Rep. National Sports Council	P	-	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
15	Rep. National Sports Institute	P	-	P	P	P	-	P	P	-	P	P	P
16	Rep. Sports, Arts and Co-Curriculum Division	P	P	P	P	A	-	-	P	-	P	P	P
17	Rep. Athletes Commission	-	-	-	-	-	-	P	P	P	P	P	P
18	Dr. Tan Siew Eng, Director NOA	-	-	-	-	-	-	-	P	-	P	P	-

P - Present